



SSION

MOH/P/BPTK/14.24(AR) -E

LAPORAN TAHUNAN

2023

BAHAGIAN PERUBATAN
TRADISIONAL DAN
KOMPLEMENTARI

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

Dr. Goh Cheng Soon

PENYELARAS & PEREKA GRAFIK

Cik. Jivanti Murugaiyan

AHLI JAWATANKUASA

Pn. Halimah binti Zaharudin

Pn. Gong Jia Ying

Dr. Gan Fen Fang

En. Tineshwaran Velvanathan

Pn. Catherine Benedict

Cik. Vicky Aw Yong

PENGULAS

Dr. Dyanan Puvanandran

PENYUMBANG ARTIKEL

Cik. Teh Li Yin

Dr. Jaspal Marik Singh

Cik. Teoh Sheh Ki

Dr. Ng Angeline

En. Dinish Perumal

Dr. Syarifah Firyelhana Syed Abdul Rahman

Dr. Tajul Iqmal bin Tajul Arus

Dr. Muhd. Zubair bin Zain Al-Aabideen

Dr. Karena binti Khalid

Dr. Adilla Nur binti Halim

Pn. Suraya Hani binti Sharon

Dr. Wong Pi Ying

Cik Wong Meng Xian

Dr. Muhammad Hisyam bin Kamarulzaman

Dr. Chan Li Yen

Dr. Nur Farizah binti Johari

Pn. Choong Yuen Shih

Dr. Ayda Liyana binti Ahmad Yusof

Dr. Abdul Maheenudeen bin Haji Mohamed

Dr. Norazreen binti Rahim

En. Gunalan Jeyaraman

Pn. Siti Farhanah binti Mohamad

Dr. Sivasangari Balan

Dr. Kavitha Agamutu

Dr. Asvini Kanan

En. Muhammad Haffis bin Mohd. Musthafa


En. Baharuddin bin Azeesur Rahman

Terima kasih di atas sumbangan anda kepada
Laporan Tahunan 2023.



KANDUNGAN

Singkatan	01
Perutusan Pengarah	02
Visi, Misi, Objektif & Dasar Kualiti	03
Pencapaian Objektif Kualiti	04
Piagam Pelanggan	05
Carta Organisasi	06
Fungsi BPTK	07
Pejabat CPTK & Perkhidmatan	08
Penguatkuasaan Akta PT&K 2016 (Akta 775)	14
Jalinan Kerjasama Antarabangsa	20
Jalinan Kerjasama Tempatan	38
Pelaksanaan T&CM Blueprint	45
Penerbitan	50
Statistik & Pencapaian	55
Pendidikan Pengguna	67
Pembangunan Kompetensi	75
Laporan Kewangan	81
Aktiviti Jawatankuasa Peringkat BPTK	84
Aktiviti- Aktiviti Lain Berkaitan PT&K	90



SINGKATAN

ASEAN	Persatuan Negara- Negara Asia Tenggara
AMS	Negara Anggota ASEAN
AYUSH	Kementerian Ayurveda, Y Yunani, Naturopati, Siddha dan Homeopati
BPTK	Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
BTM	Mesyuarat Teknikal Dua Hala
CMPTK	Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari
CPTK	Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplementari
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
KK	Klinik Kesihatan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPK	Kursus Pembangunan Kapasiti
MoU	Memorandum Persefahaman
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PTC	Perubatan Tradisional Cina
PPPB	Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar
PPS	Perakuan Pengamalan Sementara
PTI	Perubatan Tradisional India
PTM	Perubatan Tradisional Melayu
PTP	Penjagaan Tradisional Postnatal
PT&K	Perubatan Tradisional dan Komplementari
TKPK (P)	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

PERUTUSAN PENGARAH

Salam Sejahtera

Sekalung tahniah dan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari (BPTK) di atas kerjasama dan komitmen untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2023.

Saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa pencapaian BPTK untuk tahun ini adalah selaras dengan hala tuju bahagian dalam pembangunan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) di Malaysia. Perkhidmatan PT&K telah menyumbang kepada Sistem Penjagaan Kesihatan Kebangsaan terutamanya selepas merealisasikan matlamat kesihatan Madani dan selaras dengan misi *Sustainable Development Goals* (SDG) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).



Pada tahun 2023, BPTK memperkukuhkan komitmen kepada perkembangan bidang PT&K secara berterusan melalui inisiatif utama seperti berikut:

- Pengukuhan kerjasama di antara Malaysia dengan kerajaan India melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh kerajaan India dan Malaysia serta penglibatan di dalam WHO TM *Global Summit*.
- Penganjuran Mesyuarat Teknikal Dua Hala (BTM) ke-5 dalam Bidang Perubatan Tradisional di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan China dan lawatan kunjungan hormat delegasi China ke Malaysia
- Pelancaran Kerangka Penyelidikan PT&K di Malaysia dan Garis Panduan Penyelidikan Perubatan Herba
- Pelancaran *Guidelines for Traditional and Complementary Medicine Healthcare Facilities and Services in Malaysia*.
- Kelulusan permohonan pendaftaran 2893 pengamal PT&K tempatan dan 64 permohonan pendaftaran pengamal PT&K warga asing oleh Majlis PT&K

Akhir kata, sekalung penghargaan saya panjangkan kepada Datuk Dr. Asyamani binti Khalib, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), yang telah bersara pada 23 Disember 2023. Beliau merupakan salah seorang tunjang utama yang sentiasa menyokong dan mendorong segala inisiatif BPTK sepanjang perkhidmatan beliau di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dr. Goh Cheng Soon
Pengaruh BPTK



VISI

BPTK beriltizam menjadi peneraju kecemerlangan dalam bidang PT&K



MISI

BPTK akan memastikan PT&K adalah selamat dan berkualiti ke arah kesejahteraan rakyat



OBJEKTIF

- Memastikan amalan PT&K mematuhi perundangan dan peraturan-peraturan sedia ada
- Mengoptimalkan integrasi perkhidmatan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan
- Memperkasa pengamal dan perkhidmatan PT&K ke arah professionalisme
- Mewujudkan jalinan kerjasama dan kolaborasi dengan pelbagai sektor untuk perkembangan PT&K
- Memperkasa pengetahuan pengguna berkenaan PT&K yang selamat dan berkualiti



DASAR KUALITI

BPTK bertekad untuk meningkatkan tahap serta kualiti kesihatan rakyat. Kami adalah komited dalam mematuhi keperluan undang-undang, peraturan-peraturan dan memenuhi keperluan pelanggan serta melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem kawalan dan piawaian perubatan tradisional dan komplementari

PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

100%

Pemantauan unit PT&K Zon Tengah dilaksanakan dua (2) kali setahun

100%

Penilaian dokumen amalan PT&K disediakan dalam masa 14 hari bekerja

100%

Pengeluaran surat maklum balas permohonan pengamal PT&K warga asing dikeluarkan dalam masa 14 hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima

100%


Maklum balas kepada penerimaan aduan berkaitan PT&K diberi dalam masa 24 jam waktu bekerja

100%

Laporan awal siasatan aduan berkaitan PT&K dikeluarkan dalam masa 14 hari bekerja

100%

Semua bayaran bil diselesaikan dalam masa 14 hari daripada tarikh invoice diterima



PIAGAM PELANGGAN

BPTK beriltizam untuk memberikan perkhidmatan secara profesional, berkualiti dan mesra seperti berikut:



**Maklumbalas
Permohonan**

Memastikan pengeluaran surat maklum balas permohonan pengamal PT&K warga asing dalam masa 14 hari bekerja daripada tarikh dokumen lengkap diterima



Bayaran Bil


Memastikan bayaran bil diselesaikan dalam masa 14 hari daripada tarikh invois diterima



**Aduan
Pelanggan**

Memastikan aduan pelanggan terhadap BPTK yang diterima diberi maklum balas awal dalam tempoh satu hari bekerja dari tarikh aduan diterima

CARTA ORGANISASI



FUNGSI BPTK

01

Merancang dan mengkaji dasar dan hala tuju dalam bidang PT&K di Malaysia



02

Membangunkan pelan dan strategi dalam pembangunan dan perkembangan PT&K di Malaysia



03

Merancang dan memantau pelaksanaan perkhidmatan PT&K di fasiliti kesihatan KKM di peringkat kebangsaan, negeri dan kesihatan primer



04

Merancang dan mewujudkan kolaborasi dengan sektor kerajaan, swasta dan antarabangsa dalam perkembangan PT&K



05

Merancang dan memantau aktiviti pengawalseliaan amalan dan pengamal PT&K di Malaysia berdasarkan peraturan dan undang-undang



06

Merancang dan mengendalikan aktiviti pendidikan pengguna bagi meningkatkan kesedaran dalam penggunaan PT&K yang selamat dan berkualiti



07

Merancang dan memantau pengurusan sumber manusia, kewangan dan pembangunan modal insan berdasarkan keperluan aktiviti PT&K



PEJABAT CAWANGAN PT&K (CPTK)




FUNGSI CPTK

Pejabat CPTK telah ditubuhkan di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) terpilih sejak tahun 2010 bagi membantu BPTK menjalankan fungsi-fungsinya di peringkat negeri mengikut zon liputan yang ditetapkan. Sehingga kini, terdapat enam (6) pejabat CPTK, iaitu di Pulau Pinang, Terengganu, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak. Zon Tengah Semenanjung Malaysia diletakkan di bawah pemantauan BPTK. **(Rajah 1)**

Pejabat CPTK menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:

- 1 Melaksanakan dasar dan pelan tindakan berkaitan PT&K di peringkat negeri
- 2 Bertindak sebagai *focal point* BPTK untuk urusan PT&K mengikut zon liputan yang ditetapkan
- 3 Melaksanakan aktiviti inspektorat dan penguatkuasaan berkenaan PT&K
- 4 Melaksanakan aktiviti pendidikan pengamal dan pengguna PT&K
- 5 Memantau perkhidmatan PT&K di fasiliti kesihatan KKM mengikut zon liputan yang ditetapkan
- 6 Melaksanakan aktiviti pentadbiran am
- 7 Menguruskan perbelanjaan kewangan di pejabat masing-masing

LOKASI PEJABAT CPTK



PEJABAT CPTK ZON UTARA

1

Lokasi
CPTK, JKN Pulau
Pinang

Kawasan Liputan
Pulau Pinang
Kedah
Perlis

PEJABAT CPTK ZON SELATAN

2

Lokasi
CPTK, JKN Johor

Kawasan Liputan
Johor
Melaka

PEJABAT CPTK ZON TIMUR

3

Lokasi
CPTK, JKN Terengganu

Kawasan Liputan
Terengganu
Kelantan
Pahang

PEJABAT CPTK PERAK

4

Lokasi
CPTK, JKN Perak

Kawasan Liputan
Perak

PEJABAT CPTK SARAWAK

5

Lokasi
CPTK, JKN Sarawak

Kawasan Liputan
Sarawak

PEJABAT CPTK SABAH

6

Lokasi
CPTK, JKN Sabah

Kawasan Liputan
Sabah
Wilayah Persekutuan
Labuan

Rajah 1: Lokasi dan Kawasan Liputan pejabat CPTK

FUNGSI *FOCAL POINT* PT&K DI BAHAGIAN PERUBATAN, JABATAN KESIHATAN NEGERI, KKM

Pada tahun 2020, *Focal Point* PT&K dari Bahagian Perubatan, JKN telah dilantik bagi negeri yang tiada Pejabat CPTK, iaitu Perlis, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kelantan, Pahang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Focal Point tersebut bertanggungjawab untuk mengawalselia isu berkaitan PT&K di negeri masing-masing supaya satu sistem pengawalseliaan yang menyeluruh dan cekap dapat dilaksanakan di peringkat negeri bagi memastikan perkhidmatan PT&K di seluruh Malaysia adalah selamat dan berkualiti.

Focal Point PT&K menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:

1

Mengambil maklum segala aktiviti PT&K peringkat negeri dan memaklumkan kepada BPTK dan CPTK mengikut zon liputan yang ditetapkan

2

Bekerjasama dengan BPTK dan CPTK untuk program PT&K di peringkat negeri dengan:

- Memberi maklumat/data yang diperlukan
- Memberi nasihat teknikal berkenaan pelaksanaan perkhidmatan PT&K di peringkat negeri;
- Membantu mengenalpasti tindakan pencegahan dan penambahbaikan yang bersesuaian untuk negeri masing-masing

3

Menghadiri mesyuarat atau perbincangan berkenaan PT&K

4

Menyalurkan aduan berkenaan PT&K kepada BPTK atau CPTK mengikut zon liputan yang ditetapkan

5

Melaksanakan tugas lain mengikut keperluan



PERKHIDMATAN PT&K

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH UNIT PT&K DI FASILITI KESIHATAN KERAJAAN


Sehingga kini, terdapat 15 buah hospital KKM yang menawarkan pelbagai perkhidmatan PT&K di seluruh Malaysia sebagai terapi tambahan bagi indikasi-indikasi tertentu dengan menggunakan rejim, prosedur dan sistem rujukan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Amalan PT&K (**Jadual 1**).

Jadual 1 : Perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di Hospital KKM.

No.	Hospital KKM	Tahun ditubuhkan	Perkhidmatan Ditawarkan
1.	Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang	2007	-Akupunktur - Urut Tradisional -Terapi Herba sebagai Rawatan Sampingan Penyakit Kanser
2.	Hospital Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya	2008	-Akupunktur - Urut Tradisional
3.	Hospital Sultan Ismail, Johor	2008	-Akupunktur - Urut Tradisional -Terapi Herba sebagai Rawatan Sampingan Penyakit Kanser
4.	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu	2009	-Akupunktur - Urut Tradisional
5.	Hospital Duchess of Kent, Sabah	2009	-Akupunktur - Urut Tradisional
6.	Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah	2010	-Akupunktur - Urut Tradisional
7.	Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan	2010	-Akupunktur - Urut Tradisional -Shirodhara* -Terapi Basti Luaran*
8.	Hospital Umum Sarawak, Sarawak	2010	-Akupunktur - Urut Tradisional
9.	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan	2011	-Akupunktur - Urut Tradisional
10.	Hospital Rehabilitasi Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2013	-Akupunktur - Urut Tradisional -Shirodhara* -Terapi Basti Luaran*
11.	Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Sabah	2013	-Akupunktur# - Urut Tradisional -Terapi Herba sebagai Rawatan Sampingan Penyakit Kanser
12.	Institut Kanser Negara, Wilayah Persekutuan Putrajaya	2013	-Akupunktur -Terapi Herba sebagai Rawatan Sampingan Penyakit Kanser
13.	Hospital Jasin, Melaka	2014	-Akupunktur - Urut Tradisional
14.	Hospital Sungai Buloh, Selangor	2017	-Terapi Varmam*
15.	Hospital Selayang, Selangor	2022	-Akupunktur

*Perkhidmatan Shirodhara, Terapi Basti Luaran dan Varmam ditangguhkan sementara waktu sehingga pengamal dan penolong pengamal Perubatan Tradisional India yang baharu dideputasikan oleh Kerajaan India.

#Perkhidmatan Akupunktur di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah ditangguhkan buat sementara waktu kerana ketiadaan pengamal



**PENGUATKUASAAN
AKTA
PT&K 2016
[AKTA 775]**

PENDAFTARAN PENGAMAL PT&K


Selaras dengan implementasi Fasa 2 penguatkuasaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775 , bermula 1 Mac 2021, individu yang ingin mengamalkan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf perlu berdaftar dengan pihak Majlis PT& (Rajah 2). Terdapat tujuh bidang amalan diiktiraf seperti berikut:

- i) Perubatan tradisional Melayu (PTM)
- ii) Perubatan tradisional Cina (PTC)
- iii) Perubatan tradisional India (PTI)
- iv) Homeopati
- v) Kiropraktik
- vi) Osteopati
- vii) Pengubatan Islam



Rajah 2 : Penguatkuasaan Akta PT&K secara berfasa

Pendaftaran pengamal dalam bidang amalan diiktiraf telah bermula sejak 15 Mac 2021 (Rajah 3).



Rajah 3 : Jumlah Pengamal PT&K Berdaftar dengan Majlis PT&K dari 15 Mac 2021 - 31 Disember 2023

STATISTIK PENDAFTARAN PENGAMAL PT&K DENGAN MAJLIS PT&K BAGI TAHUN 2023

Dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023, sebanyak 4178 permohonan pendaftaran pengamal PT&K tempatan telah diterima oleh pihak Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (CMPTK). Daripada jumlah tersebut, 2893 permohonan pendaftaran pengamal tempatan PT&K baru telah diluluskan dan 2026 Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (PPPB) telah dikeluarkan.

Bagi permohonan pendaftaran pengamal PT&K warga asing, sebanyak 73 permohonan pendaftaran pengamal PT&K warga asing telah diterima oleh CMPTK. Daripada jumlah tersebut, 35 Permohonan Perakuan Pengamalan Sementara (PPS) baharu telah diluluskan dan 29 pembaharuan PPS telah dikeluarkan. 9 permohonan PPS baharu telah ditolak.

Jadual 2 menunjukkan permohonan pendaftaran pengamal PT&K Tempatan dan Warga Asing dengan Majlis PT&K dari 1 Januari 2023- 31 Disember 2023 mengikut bidang amalan yang diiktiraf.

Jadual 2: Permohonan pendaftaran pengamal PT&K tempatan dan warga asing dengan Majlis PT&K dari 1 Januari 2023 – 31 Disember 2023

Bidang Amalan Diiktiraf	Pengamal PT&K Tempatan		Pengamal PT&K Warga Asing	
	Jumlah Permohonan Pendaftaran Baharu yang Diluluskan	Jumlah PPPB yang Dikeluarkan	Jumlah Permohonan PPS Baharu yang Diluluskan	Jumlah Pembaharuan PPS yang Dikeluarkan
PTM	586	252	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
PTC	1867	1491	16	14
PTI	68	34	10	4
Homeopati	112	83	2	1
Kiropraktik	114	65	4	7
Osteopati	2	1	3	3
Pengubatan Islam	144	100	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
Jumlah Keseluruhan	2893	2026	35	29

PENGELUARAN SURAT MAKLUM BALAS UNTUK PEMBANTU PENGAMAL AYURVEDA BAGI TAHUN 2023

Sebanyak 31 permohonan untuk pembantu pengamal Ayurveda telah diterima dari 1 Januari 2023 hingga 15 Jun 2023. Kesemua permohonan telah diberikan surat maklum balas dalam masa 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima (mencapai 100% Objektif Kualiti). 25 permohonan telah berjaya menerima surat maklum balas tiada halangan daripada BPTK manakala enam (6) permohonan tidak diluluskan di peringkat mesyuarat Jawatankuasa Pemprosesan Pembantu Pengamal Warga Asing (JKPPA) kerana tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Permohonan Surat Maklum Balas Pembantu Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) Warga Asing.

Bermula 15 Jun 2023, kesemua permohonan untuk mendapatkan surat maklum balas bagi pembantu pengamal Ayurveda diproses secara atas talian melalui sistem *Xpats Gateway* yang dikendalikan oleh *Expatriate Services Division* (ESD), Jabatan Imigresen Malaysia. Dari 15 Jun 2023 sehingga 31 Disember 2023 sebanyak 23 permohonan pembantu pengamal Ayurveda telah disokong dan satu (1) permohonan telah ditolak melalui sistem *Xpats Gateway*.


PELAKSANAAN KURSUS PEMBANGUNAN KAPASITI (KPK)

Berdasarkan Akta 775, seseorang yang ingin mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf perlu berdaftar dengan Majlis PT&K. Namun, terdapat pengamal yang tiada kelayakan yang diiktiraf tetapi mempunyai tahun pengalaman mengamal seperti yang ditetapkan oleh Majlis PT&K iaitu golongan 'grandfathering'.

Bagi membantu pengamal dalam golongan 'grandfathering' untuk mendaftar sebagai pengamal PT&K di bawah Akta 775, Majlis PT&K telah menetapkan pelaksanaan KPK untuk bidang perubatan tradisional (Melayu, Cina, India) dan homeopati. Kehadiran ke KPK dengan jayanya adalah salah satu kriteria pendaftaran yang perlu dipenuhi oleh sebilangan pengamal yang dikenal pasti dalam tempoh peralihan iaitu daripada 1 Mac 2021 hingga 28 Februari 2025.

Pemprosesan pusat latihan dan tenaga pengajar KPK adalah melalui Mesyuarat Penilaian KPK sebelum dikemukakan untuk kelulusan Majlis PT&K mengikut terma dan syarat di dalam Garis Panduan Permohonan Pusat Latihan dan Tenaga Pengajar KPK dan Garis Panduan Permohonan Pusat Latihan Dan Tenaga Pengajar KPK Secara Dalam Talian.

Sehingga 31 Disember 2023, 14 Pusat latihan yang telah diluluskan oleh Majlis PT&K telah melaksanakan 45 sesi KPK yang dihadiri oleh 1010 orang pengamal (Rajah 4).



Rajah 4: Statistik pelaksanaan KPK bagi 2023

MAJLIS PT&K

Majlis PT&K telah ditubuhkan pada tahun 2016 bagi mengawal selia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia. Pelantikan anggota Majlis PT&K untuk kitaran baharu iaitu 1 Ogos 2023 sehingga 31 Julai 2025 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan (YBMK). Seramai 34 anggota Majlis PT&K yang terdiri daripada 17 anggota tetap dan 17 anggota silih ganti telah dilantik.

Majlis PT&K telah bersidang sebanyak empat (4) kali pada tahun 2023. Sebanyak 15 kertas pertimbangan, lima (5) kertas makluman dan enam (6) pembentangan permohonan pendaftaran pengamal telah dibentangkan.



Anggota Majlis PT&K bersama pengerusi majlis baharu, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK), YBhg. Imej 1: Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan sebelum Mesyuarat Majlis PT&K Bil. 3/2023 pada 31 Julai 2023.

PELANTIKAN JAWATANKUASA PENYIASATAN DI BAWAH MAJLIS PT&K

Akta 775 mewajibkan Majlis PT&K mengadakan suatu mekanisme untuk menyiasat aduan atau maklumat yang diterima terhadap seseorang pengamal berdaftar. Oleh itu, Jawatankuasa Penyiasatan di bawah Majlis PT&K telah ditubuhkan berdasarkan peruntukan di bawah subperaturan 13(1), Peraturan-Peraturan PT&K 2021 bagi menjalankan penyiasatan awal ke atas aduan atau maklumat yang berkenaan dengan apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis PT&K. Tempoh pelantikan lima (5) anggota jawatankuasa ini adalah dari 9 November 2023 sehingga 8 November 2026.

SARINGAN STANDARD PENGUKURAN PEMATUHAN SYARIAH (i-Syifa') BAGI PENGAMAL PENGUBATAN ISLAM

Satu mekanisme untuk mengawalselia amalan pengubatan Islam (API) telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2016 dan dipersetujui oleh pihak Majlis PT&K pada tahun 2017. Pendekatan pengawalseliaan adalah dengan melaksanakan saringan yang dikenali sebagai Standard Pengukuran Pematuhan Syariah (i-Syifa').

Saringan tersebut adalah untuk pengamal pengubatan Islam yang ingin berdaftar menggunakan kaedah pengalaman mengamal. Saringan i-Syifa' bakal dilaksanakan di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) seluruh Malaysia.

Statistik pendaftaran pengamal API bagi dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti di dalam **Rajah 5**.



Rajah 5: Statistik pendaftaran pengamal API dari 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023



JALINAN KERJASAMA ANTARABANGSA

KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN REPUBLIK INDIA DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

Memorandum Persefahaman (MoU) antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Republik India di dalam bidang perubatan tradisional melalui kerjasama dengan Kementerian Ayurveda, Yoga dan Naturopati, Y Yunani, Siddha dan Homeopati (AYUSH) telah dimeterai pada 27 Oktober 2010. MoU tersebut dijangka akan diperbaharui pada tahun 2024.

Kolaborasi ini telah mewujudkan penawaran perkhidmatan PTI termasuk shirodhara, terapi basti luaran dan terapi varmam di hospital KKM terpilih sejak tahun 2011. Perkhidmatan PTI tersebut ditawarkan oleh pengamal PTI dan pembantu pengamal PTI yang dideputasi di bawah program *Indian Technical and Economic Cooperation* (ITEC). Pengamal PTI berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dalam pelbagai platform dan terlibat sebagai pakar bidang PTI terutamanya dalam pembangunan garis panduan berkenaan pendidikan, latihan dan amalan PTI. Namun, perkhidmatan PTI ini telah ditangguhkan sementara waktu sejak tempoh deputasi pengamal PTI tamat pada 2021. KKM kini dalam proses pembaharuan MoU dan permohonan program ITEC dengan pihak Kementerian AYUSH dan Suruhanjaya Tinggi India ke Malaysia agar permohonan deputasi pakar PTI yang baharu dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

Untuk memperkukuhkan hubungan kerjasama antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Republik India, Mesyuarat Teknikal Dua Hala (BTM) diadakan setiap tahun secara bergilir di India dan Malaysia. BTM Ke-8 telah dianjurkan oleh Kementerian AYUSH sebagai aktiviti sampingan kepada WHO *Traditional Medicine Global Summit* di Gandhinagar, Gujarat, India. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah kolaborasi sedia ada, perancangan pembaharuan MoU, persidangan atau bengkel berkaitan PTI yang boleh dilaksanakan bersama, deputasi pakar PTI ke Malaysia, peluang pelaburan dalam bidang PTI di negara masing-masing dan sebagainya.



Imej 2: BTM Ke-8 di Gandhinagar, Gujarat, India. Delegasi India telah diketuai oleh Dr. Manoj Nesari, Penasihat dan Ketua Kerjasama Antarabangsa, Kementerian Ayush dan delegasi Malaysia telah diketuai oleh Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, [TKPK (P)], KKM.



Berikut merupakan aktiviti-aktiviti berhubung PTI yang melibatkan BPTK pada tahun 2023:

Sambutan Hari Yunani dan Persidangan Antarabangsa Perubatan Yunani



TARIKH
10- 11 FEB 2023



TEMPAT
Secara Dalam Talian



PENCERAMAH JEMPUTAN
Dr. Goh Cheng Soon

Sambutan Hari Yunani dan Persidangan Antarabangsa Perubatan Yunani ini telah dianjurkan oleh *Central Council for Research in Yunani Medicine* dan diadakan secara hibrid.

Objektif utama acara tersebut adalah untuk mempromosi peranan sistem perubatan Yunani dalam kesihatan awam seperti pencegahan penyakit, memanjangkan jangka hayat serta promosi kesihatan melalui usaha komuniti. Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah menyampaikan pembentangan yang bertajuk "*The Governance of Yunani Medicine in Malaysia*".

Persidangan ini telah meneroka dan membincangkan pengintegrasian perubatan Yunani ke dalam program kesihatan awam bagi meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan.

Sistem perubatan holistik ini berpotensi untuk memainkan peranan penting dalam pencegahan penyakit, penjagaan promotif, penjagaan pemulihan dan penjagaan paliatif.

Hari Indian Technical and Economic Cooperation (ITEC) 2023



TARIKH
19 SEP 2023



TEMPAT
Royal Lake Club, KL



Wakil BPTK
Dr. Goh Cheng Soon
Cik Teoh Sheh Ki

ITEC merupakan satu program pembangunan kapasiti antarabangsa yang ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Republik India.

Program ini menawarkan bantuan teknikal dan latihan dalam pelbagai bidang termasuk teknologi maklumat, perbankan, pentadbiran, pendidikan, pertanian, sains dan sebagainya kepada 161 buah negara, termasuk Malaysia.

Hari Sambutan ITEC 2023 telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi India di Malaysia dan dihadiri oleh Timbalan Menteri Luar Negeri Malaysia sebagai tetamu kehormat dan wakil-wakil daripada pelbagai Kementerian termasuk Kementerian Luar Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Ekonomi, KKM serta alumni Program ITEC.

Sehingga kini, lebih daripada 320 rakyat Malaysia telah menerima manfaat daripada program ini. Melalui program ini juga, KKM telah mendapatkan deputasi pakar PTI untuk menawarkan perkhidmatan PTI di hospital KKM terpilih.



Sambutan Hari Ayurveda 2023



TARIKH
6 DIS 2023



TEMPAT
*Netaji Subhash Chandra Bose
Indian Cultural Centre
(NSCBICC), Brickfields, KL*



WAKIL BPTK
Dr. Goh Cheng Soon
Cik. Teoh Sheh Ki
Pn. Gong Jia Ying

Sambutan Hari Ayurveda tahun ini diadakan untuk menghayati peranan Ayurveda dalam penjagaan kesihatan dan kesejahteraan secara holistik. Acara ini telah dianjurkan bersama oleh Suruhanjaya Tinggi India di Malaysia dan Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM). Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah dijemput untuk menyampaikan ucap-tama khas. Peserta acara tersebut termasuk pengamal PTI dan wakil-wakil industri PTI. Penceramah-penceramah jemputan juga telah menyampaikan pembentangan berkaitan peranan Ayurveda dalam pencegahan dan penjagaan penyakit tidak berjangkit atau penyakit kronik yang merupakan beban yang semakin meningkat di dalam sistem penjagaan kesihatan sedunia.



Imej 3: Pengarah BPTK menghadiri sambutan Hari Ayurveda 2023 sebagai tetamu jemputan khas.

Selain itu, kerajaan Republik India juga menawarkan Skim Biasiswa AYUSH yang memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk melanjutkan pengajian dalam bidang PTI di India. Sehingga 2023, 25 orang pelajar Malaysia telah mendapat manfaat dari skim biasiswa ini.

Sempena kerjasama sedekad antara Malaysia dan India dalam bidang perubatan tradisional, BPTK telah menerbitkan "*A Decade of Collaboration: Malaysia-India Partnership in Traditional Systems of Medicine*" pada November 2023 sebagai tanda penghargaan dan kenangan antara kedua-dua pihak.



Imej 4: Penyerahan penerbitan daripada Pengarah BPTK kepada Setiausaha Kementerian AYUSH.



PERSIDANGAN PERUBATAN TRADISIONAL DI ANTARA KERAJAAN REPUBLIK INDIA DAN NEGARA ASEAN DENGAN TEMA '*ROLE OF TRADITIONAL MEDICINE IN INDIA AND ASEAN COUNTRIES IN MITIGATION OF COVID-19 PANDEMIC*'

Persidangan perubatan tradisional di antara kerajaan republik India dengan ASEAN dengan tema '*Role of Traditional Medicine in India and ASEAN Countries in Mitigation of COVID-19 Pandemic*' telah diadakan pada 20 Julai 2023 di New Delhi, India. Delegasi dari India dan negara-negara ASEAN telah menyertai persidangan ini dan ia menjadi platform untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang perubatan tradisional di negara masing-masing bagi memastikan sistem penjagaan kesihatan yang mampan dan berdaya tahan.

Persidangan ini terbahagi kepada dua (2) sesi. Sesi pertama membincangkan peranan perubatan tradisional dalam (i) mencapai SDG-3 (*Health & Wellness*) dan (ii) memerangi penularan wabak COVID-19 manakala sesi kedua berfokus kepada perkongsian pengetahuan berkenaan rangka kerja pengawalseliaan dan inisiatif dalam memperkembangkan perubatan tradisional.

Semua negara anggota ASEAN telah dijemput untuk menyampaikan pembentangan dalam kedua-dua sesi tersebut.

Topik yang dibentangkan oleh wakil Malaysia adalah seperti berikut:

1. '*Regulatory Reforms in Advancing T&CM in Malaysia*' – Dr. Dyanan Puvanandran
2. '*Role of T&CM in Attaining SDG-3 i.e. Health & Wellness in Malaysia*' – Dr. Chan Li Yen

Pada 21 Julai 2023, para delegasi telah melawat *Morarji Desai National Institute of Yoga* dan *All India Institute of Ayurveda* untuk mendapat kefahaman yang lebih mendalam terhadap amalan PTI. Penyertaan delegasi Malaysia dalam persidangan ini telah memperkukuhkan jalinan kerjasama dan potensi kolaborasi dalam amalan, pengawalseliaan, penyelidikan serta pendidikan dan latihan dalam bidang PT&K dengan India dan negara ASEAN lain.



Imej 5: Para Delegasi ASEAN bersama pengarah dan wakil daripada *All India Institute of Ayurveda*.

KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN NEGARA CHINA DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

Pada 18 Disember 2023, mesyuarat BTM Ke-5 di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan China dalam bidang perubatan tradisional telah diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), Putrajaya. Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Bin Abu Hassan, KPK, bersama wakil KKM, manakala delegasi China diketuai oleh Prof. Huang Luqi, *Vice Commissioner of National Administration of Traditional Chinese Medicine* (NATCM), disertai wakil NATCM dan Dr. Zhao Xiangdong dari kedutaan China di Malaysia.

Bidang kolaborasi yang digariskan dalam mesyuarat ini merangkumi sesi perkongsian pengetahuan dalam pelbagai aspek termasuk penyelidikan berasaskan bukti, sistem pengawalseliaan perubatan etnik di China, protokol penyelidikan, pembangunan penanda aras bagi amalan perubatan tradisional, program latihan untuk memperkukuhkan pemahaman asas pengamal perubatan tradisional dan sebagainya. Kerjasama ini penting untuk memperkukuh amalan perubatan tradisional berasaskan bukti di Malaysia, memastikan perkhidmatan yang selamat dan menunjukkan komitmen berterusan kedua-dua negara dalam bidang ini.

Selepas mesyuarat tersebut, pihak delegasi China turut menghadiri Sesi Kunjungan Hormat ke atas YB. Dato' Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, di Putrajaya. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang PT&K antara kedua-dua negara yang telah terjalin melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman Kerjasama dalam bidang perubatan tradisional sejak tahun 2011 dan diperbaharui pada tahun 2022. Perbincangan antara YB. Dato' Lukanisman Awang Sauni dan Prof. Huang Luqi merangkumi kemajuan serta potensi PT&K dalam sistem penjagaan kesihatan di Malaysia dan China.



Imej 6: Sesi Bergambar ahli mesyuarat BTM di Lobi Kompleks KKM, Putrajaya.



Imej 7: Sesi kunjungan hormat delegasi China ke atas YB. Timbalan Menteri Kesihatan



Imej 8: Pertukaran cenderahati antara Ketua Delegasi KKM dan Ketua Delegasi NATCM.

Delegasi China juga mengambil kesempatan untuk mengunjungi *Forest Research Institute Malaysia (FRIM)* dan Taman Etnobotani di sana. Tujuan lawatan ini adalah untuk memahami perkembangan dan pemeliharaan sumber tumbuhan ubatan tradisional di Malaysia serta meneroka potensi kerjasama dalam bidang yang berkaitan.



Imej 9: Mesyuarat antara delegasi China bersama Bahagian Produk Semulajadi di FRIM.



Imej 10: Lawatan ke Taman Etnobotani, FRIM



Sepanjang tahun 2023, kedua-dua negara menjalinkan kerjasama erat melalui program perkongsian maklumat yang dianjurkan oleh kerajaan China, termasuk:

2023 China-ASEAN International Forum on Traditional Medicine and Health Tourism (5th BAMA Forum)



TARIKH
15 OKT 2023



TEMPAT
Bama Yao Autonomous County of Guangxi, China



PENGANJUR
Ministry of Culture and Tourism of China, National Administration of Traditional Chinese Medicine of China dan Guangxi Botanical Garden of Medicinal Plants the People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region



WAKIL BPTK
Dr. Goh Cheng Soon
Cik Teoh Sheh Ki

Forum tersebut berfokus kepada perkembangan terkini dalam bidang perubatan tradisional dan kesihatan pelancongan. Forum ini juga mempromosikan Bama County sebagai satu daerah yang kaya dengan sumber semulajadi dan memiliki nisbah populasi penduduk berusia seratus tahun yang tinggi. Lebih daripada 200 menyertai forum ini, termasuk pemimpin dari pihak berkuasa kesihatan dan pelancongan di China dan negara-negara ASEAN, bersama dengan pakar, ahli penyelidik dan wakil perniagaan dalam bidang-bidang tersebut. Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah dijemput sebagai tetamu kehormat untuk menyampaikan ucapnama bertajuk "Perkembangan PT&K dan Pelancongan Kesihatan di Malaysia".

Pihak BPTK juga turut dijemput oleh *Guangxi Botanical Garden of Medicinal Plants* untuk mengadakan perbincangan merangkumi potensi kerjasama dalam bidang tumbuhan ubatan pada 16 Oktober 2023.



Imej 11: Dr. Goh Cheng Soon sebagai tetamu kehormat memberi ucapnama bertajuk "Perkembangan PT&K dan Pelancongan Kesihatan di Malaysia."



Imej 12: Sesi pertukaran cenderahati dengan wakil *Guangxi Botanical Garden of Medicinal Plants*.

International Traditional Medicine Clinical Trial Registry (ITMCTR) Advisory Group Conference, Beijing



TARIKH
11 -14 DIS 2023



TEMPAT
Beijing ASIA Hotel, Beijing



PENGANJUR
China Academy of Chinese Medical
Sciences and International Traditional
Clinical Trial Registry (ITMCTR)
Organising Committee



WAKIL BPTK
Dr. Goh Cheng Soon

ITMCTR merupakan salah satu platform Pendaftaran Percubaan Klinikal Antarabangsa. Peranan utama ITMCTR adalah untuk mendaftarkan kajian klinikal secara global yang merangkumi PTC, akupunktur, tuina, perubatan herba, Ayurveda, homeopati dan sebagainya. ITMCTR bekerjasama dengan pelbagai organisasi perubatan tradisional di seluruh dunia untuk memajukan penyelidikan klinikal dan meningkatkan kualiti bukti perubatan tradisional di peringkat global.

Tujuan persidangan ini adalah untuk menilai dan meluluskan Terma Rujukan Kumpulan Penasihat, meneliti garis panduan pendaftaran kajian percubaan perubatan tradisional serta menggalakkan pendaftaran kajian perubatan tradisional di ITMCTR. Dr. Goh Cheng Soon telah dikenalpasti dan dipilih sebagai wakil Malaysia untuk menyertai kumpulan penasihat ini.



Imej 13: Dr. Goh Cheng Soon sebagai penasihat kepada ITMCTR



KOLABORASI PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)

1) WHO GLOBAL TRADITIONAL MEDICINE (TM) SUMMIT DAN GUJARAT DECLARATION

WHO Global TM Summit yang bertema “Towards Health and Well-Being for All” telah diadakan serentak dengan G20 Health Ministerial Meeting di Gandhinagar, Gujarat, India pada 17-18 Ogos 2023. Ia dianjurkan bersama oleh WHO dan kerajaan republik India. Peserta termasuk Menteri Kesihatan negara G20, ahli sains, pengamal perubatan tradisional, petugas kesihatan dan wakil masyarakat sivil daripada 88 negara. Delegasi Malaysia diketuai oleh TKPK(P) dan turut disertai Pengarah BPTK dan empat (4) pegawai BPTK.

Sidang kemuncak tersebut diadakan susulan penubuhan WHO Global Centre for TM pada 2022 di India yang berfungsi sebagai pusat pengetahuan untuk mengoptimalkan peranan perubatan tradisional dalam kesihatan global dan pembangunan mampan. Menumpu kepada *evidence-based integration*, sidang kemuncak tersebut bersasar mensasarkan komitmen politik dan tindakan kolektif.

Dalam sidang kemuncak tersebut, delegasi Malaysia berpeluang untuk membentangkan hasil penemuan analitikal semasa PT&K dalam penjagaan kesihatan primer di rantau Asia Tenggara dan Pasifik Barat, berkongsi amalan terbaik dalam penjagaan urut tradisional selepas bersalin, berkongsi sumbangan PT&K dan implikasi dasar berkaitan serta menekankan kepentingan piawaian data PT&K dalam sistem maklumat kesihatan kebangsaan. Selain itu, Malaysia turut mengambil bahagian dalam Pavilion Pameran Rantau Pasifik Barat dan telah mempamerkan biodiversiti dan amalan unik perubatan tradisional di Malaysia.

Deklarasi Gujarat yang merupakan resolusi sidang kemuncak ini, menggariskan *evidence-based outcome* dan menyarankan usaha yang lebih intensif dalam pelaksanaan pendekatan perubatan tradisional, komplementari, dan integratif (TCI). Tindakan utama yang disenaraikan dalam deklarasi tersebut termasuk menyokong pembangunan WHO Global Traditional Medicine (TM) Strategy 2025-2034, menghormati dan memampankan pengetahuan tradisional dan biodiversiti, pengintegrasian TCI ke Liputan Kesihatan Sejagat (UHC) melalui pendekatan penjagaan kesihatan primer, mempromosi penyelidikan dan inovasi dan menubuhkan sistem pemantauan untuk data berkaitan TCI dan sistem informasi rutin.



Imej 14:

Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, TKPK (P) dan Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK bersama penceramah lain di WHO Global TM Summit.



2) PUSAT KOLABORASI PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHOCC)

BPTK telah dilantik sebagai Pusat Kolaborasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHOCC) Perubatan Tradisional, Komplementari, dan Integratif (TCI) sejak 29 Jun 2020 untuk tempoh empat (4) tahun. Berdasarkan Terma Rujukan, BPTK diamanahkan untuk memberikan sokongan teknikal kepada WHO, meningkatkan pengetahuan dalam PT&K, memberi pandangan berkenaan pengawalseliaan atas permintaan dan mengadakan aktiviti pembangunan kapasiti khusus untuk negara-negara ahli dan pihak berkepentingan PT&K dengan kerjasama WHO.

Sepanjang tahun 2023, BPTK, sebagai WHOCC TCI, telah menganjurkan pelbagai aktiviti, termasuk "*Intellectual Property Awareness Webinar Relating to Knowledge in Traditional Herbs and Medicine Practices*" dan "*Virtual Workshop on the Governance and Recognition of T&CM in the National Healthcare System among ASEAN Member States.*"

Post-Summit Meeting for the WHOCC for TCI Global Network telah diadakan sebagai aktiviti sampingan kepada the *First WHO Traditional Medicine Global Summit* di Ahmedabad, Gujarat, India pada 19 Ogos 2023. Acara tersebut merupakan perhimpunan global untuk ahli WHOCC TCI.

Lebih daripada 40 peserta, termasuk Dr. Goh Cheng Soon dan Cik Teoh Sheh Ki dari Malaysia terlibat dalam perbincangan inisiatif perkembangan TCI global dan serantau, pertukaran maklumat mengenai kepakaran dan pelan kerja, memberi input mengenai draf *WHO Global TM Strategy 2025–2034* dan meneroka strategi untuk peningkatan kerjasama dalam rangkaian.

BPTK sebagai WHOCC TCI Malaysia akan meneruskan pelaksanaan aktiviti pelan kerja yang diamanahkan oleh WHO, menyumbang kepada pembangunan *WHO Global TM Strategy 2025–2034* dan membuat persediaan untuk pelantikan semula sebagai WHOCC TCI menjelang Jun 2024, selaras dengan keutamaan WHO dan kebangsaan.



Imej 15: Ahli mesyuarat *Post-Summit* untuk Rangkaian Global WHOCC TCI.



3) WHO GLOBAL EXPERT CONSULTATION MEETING ON THE DRAFT OF TRADITIONAL MEDICINE STRATEGY 2025-2034

Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah dilantik sebagai pakar oleh WHO untuk menyertai *WHO Global Expert Consultation Meeting on the Draft of Traditional Medicine Strategy 2025-2034*. Mesyuarat ini dianjurkan oleh *Department of Integrated Health Services*, WHO dan berlangsung di Geneva, Switzerland, dari 28 hingga 30 November 2023.

Objektif utama mesyuarat ini adalah menyemak draf strategi baru yang disediakan oleh satu pasukan pakar TCI. Draf tersebut merangkumi pelbagai bahagian, termasuk gambaran keseluruhan kedudukan umum TCI di seluruh dunia, visi, matlamat, prinsip utama, definisi terminologi, objektif strategik, halatuju dan tindakan, serta pelaksanaan strategi global untuk dekad akan datang.

Strategi global ini bertujuan menyokong dan membimbing negara-negara anggota dalam memenuhi keperluan semasa dan menangani cabaran dan mengenal pasti serta menggunakan peluang yang ada untuk menyumbang kepada kesihatan, kesejahteraan, liputan penjagaan kesihatan sejagat, dan matlamat pembangunan mampan (SDG).



Imej 16: Dr. Goh Cheng Soon sebagai salah seorang pengerusi bersama bagi sesi mesyuarat.



Imej 17: Gambar kumpulan ahli mesyuarat dari pelbagai negara rantau WHO.



4) WHO INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF DISEASES, 11TH REVISION (ICD-11) TRADITIONAL MEDICINE (TM) CHAPTER

Kebanyakan negara anggota WHO menghadapi cabaran dalam dokumentasi dan pengkodan diagnosis perubatan tradisional secara berkesan, justeru menyebabkan kesukaran dalam memahami jenis, kekerapan, dan keberkesanan perubatan tradisional. Malah di negara-negara yang mempunyai perkhidmatan perubatan tradisional yang mantap, dokumentasi klinikal dan pengkodan perubatan tradisional sering tidak diintegrasikan dalam *Routine Health Information System* (RHIS). Bagi mengatasi jurang ini, WHO telah mengintegrasikan dan menyempurnakan secara berterusan bab tambahan mengenai diagnosis perubatan tradisional dalam ICD-11.

Modul TM1 sedia ada telah mengklasifikasikan diagnosis perubatan tradisional yang berasal dari zaman China purba yang kini diamalkan di China, Jepun, Korea dan negara-negara lain di seluruh dunia. Pada tahun 2020, WHO memulakan pembangunan modul kedua dalam bab perubatan tradisional (TM2) yang bertujuan membangunkan satu set kategori diagnostik berasaskan Ayurveda dan sistem perubatan tradisional yang berkaitan seperti Yunani dan Siddha.

BPTK berfungsi sebagai *focal point* dan rakan kongsi WHO dalam pembangunan ICD-11 TM2. Penglibatan Malaysia bermula pada tahun 2021 selaku penganjur bersama dengan WHO untuk mengadakan *WHO ICD-11 TM2 Alpha Draft Review Meeting* di Kuala Lumpur pada 16-18 November 2022.

Penglibatan BPTK dalam aktiviti berkaitan pembangunan *WHO ICD-11 TM2* sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

Pre-Summit Workshop on ICD-11 TM and Routine Health Information Systems (RHIS)



MASA
15- 16 OGOS 2023



TEMPAT
Ahmedabad, India



WAKIL BPTK
Dr. Goh Cheng Soon
Cik. Teh Li Yin

Bengkel ini diadakan sebelum *WHO TM Global Summit*. Peserta termasuk ahli *Traditional Medicine Reference Group* (TMRG), *WHO FIC Network*, *focal point* ICD-11 TM2, penasihat dari *WHO Regional Offices* dan kakitangan daripada pasukan *Classifications and Terminologies* (CAT) serta unit TCI di ibu pejabat WHO.

Bengkel ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan semasa dan masa depan bagi piawai data diagnostik perubatan tradisional, menganalisa amalan negara dalam dokumentasi perubatan tradisional, berkongsi pengalaman dalam pengintegrasian perubatan tradisional dalam *ICD-11*, meningkatkan amalan dokumentasi klinikal dan pengkodan dan merumuskan penemuan dan cadangan untuk dibentangkan di *WHO TM Global Summit*.

Bengkel ini juga telah mencadangkan supaya melibatkan tindakan dasar untuk mengintegrasikan pelaporan diagnosis *TM ICD-11* dalam *RHIS*, menyokong dan mendorong pengkodan diagnosis perubatan tradisional, mengiktiraf perubatan tradisional sebagai komponen penting dalam perancangan penjagaan kesihatan kebangsaan dan penyertaan aktif dalam pengujian lapangan antarabangsa *ICD-11 TM2*.



WHO ICD-11 Traditional Medicine Chapter Module 2 (TM2) Beta Draft Review Meeting, Sri Lanka



MASA
6- 8 DIS 2023



TEMPAT
Kandy, Sri Lanka



WAKIL BPTK
Cik. Teh Li Yin
Dr. Sivasangari Balan

WHO ICD-11 TM2 Beta Draft Review Meeting telah dihadiri oleh ahli unit CAT dan unit TCI di ibu pejabat WHO, focal point dan rakan usaha sama dari 14 negara ahli WHO, termasuk Malaysia. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyemak hasil penemuan ujian lapangan antarabangsa ICD-11 TM2 modul Beta Draft bagi mempertingkatkan dokumentasi klinikal dan pengkodan diagnosis perubatan tradisional serta merancang pembangunan versi muktamad modul tersebut. WHO sedang dalam proses menterjemahkan alat pengkodan ke dalam pelbagai bahasa. Modul TM2 terakhir dijadualkan untuk dilancarkan pada Januari 2024, susulan penambahbaikan berdasarkan maklum balas yang diterima semasa mesyuarat ini.



Imej 18: Peserta ICD-11 TM Chapter Module 2 (TM2) Beta Draft Review Meeting di Kandy, Sri Lanka.

LAWATAN DARIPADA AGENSI LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2023, BPTK telah menerima kunjungan daripada beberapa organisasi antarabangsa yang membolehkan pertukaran maklumat dan pengetahuan serta membuka peluang kolaborasi di peringkat antarabangsa di dalam bidang PT&K. Lawatan-lawatan yang diterima oleh BPTK pada tahun ini adalah seperti berikut:

i. Lawatan daripada Nihon *Pharmaceutical University* (NPU), Jepun

Pada 13 Mac 2023, Prof. Minoru Tsuzuki, Naib Presiden NPU dan Prof. Ichiro Arai, Dekan *Graduate School of Pharmaceutical Sciences*, NPU telah melawat BPTK. Objektif lawatan ini adalah untuk memahami tadbir urus PT&K di Malaysia. Delegasi NPU juga telah melawat Unit PT&K di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya untuk memahami integrasi PT&K ke dalam sistem kesihatan kebangsaan di Malaysia, terutamanya perkhidmatan terapi ubat herba sebagai rawatan sampingan untuk kanser. Unit PT&K, IKN telah memperkenalkan perkhidmatan yang ditawarkan, termasuk akupunktur dan terapi herba, aktiviti organisasi, projek penyelidikan dan lain-lain.

Semasa lawatan tersebut, Prof. Ichiro Arai memaklumkan bahawa perubatan herba yang diamalkan di Jepun yang dikenali sebagai perubatan Kampo. Di Jepun, pengamal perubatan moden dibenarkan untuk mempreskripsi ubat Kampo. NPU menawarkan program *Kampo Pharmaceutical Sciences* yang melatih pelajar farmasi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menawarkan penjagaan perubatan yang komprehensif, mengikut keperluan individu (*individualised*) dan bersepadu. Kursus tersebut merangkumi pelbagai disiplin, termasuk pencegahan dan rawatan penyakit, pencegahan kesan sampingan perubatan moden, penjagaan paliatif dan lain-lain.



Imej 19: Lawatan delegasi Jepun ke Unit PT&K, IKN telah disambut oleh Dr. Puteri Norliza, Timbalan Pengarah (Perubatan I) dan Dr. Teo Chiah Sean, Ketua Unit PT&K, IKN. Wakil BPTK termasuk Dr. Goh Cheng Soon serta pegawai BPTK yang lain

ii. Lawatan daripada *Health Commission of Anhui Province, China*

Pada 15 Mei 2023, delegasi dari Anhui *Province, China* yang diketuai oleh En. Yang Xubin, Timbalan Ketua Pengarah, *Health Commission of Anhui Province* telah melawat BPTK dan Unit PT&K, IKN untuk memahami perkembangan PTC di Malaysia dan meneroka peluang kerjasama. Delegasi Malaysia diketuai oleh YBrs. Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK.

Semasa lawatan ke BPTK, delegasi China diberikan perkongsian berkaitan tadbir urus PT&K secara keseluruhan di Malaysia, termasuk aspek amalan, produk, premis, pendidikan, penyelidikan, dan teknologi maklumat. Perbincangan turut merangkumi pengawalseliaan PT&K, pembekalan dan permintaan, fi perkhidmatan dan peranan PT&K dalam sistem penjagaan kesihatan Malaysia.

Delegasi China juga berkongsi berkaitan pengawalseliaan pengamal PTC di China. Kedua-dua pihak telah menunjukkan minat untuk berkolaborasi di masa hadapan, termasuk penyelidikan bersama, perkongsian amalan terbaik dan pertukaran pakar untuk meningkatkan peranan PT&K dalam penjagaan kesihatan.

Di Unit PT&K, IKN, delegasi telah diperkenalkan kepada perkhidmatan yang ditawarkan, yang berfokus kepada integrasi PTC ke dalam penjagaan pesakit kanser. Mereka juga telah diberi penerangan berkaitan penggunaan ubat herba dan akupunktur di hospital KKM sebagai rawatan sampingan kemoterapi untuk pesakit kanser. Delegasi China telah memberi senaskah "*Traditional Chinese Medicine Treatment: China Anti-Cancer Association Technical Guidelines for Holistic Integrative Management of Cancer 2023*" yang baru diterbitkan kepada IKN.



Imej 20: Delegasi Anhui *Health Commission, China* dan pegawai BPTK.

iii. Lawatan daripada Guizhou *University of Traditional Chinese Medicine (GUTCM)*, China

Pada 16 November 2023, BPTK telah menerima kunjungan daripada GUTCM, China. Delegasi China diketuai oleh En. Yu Hao, Naib Presiden GUTCM, manakala delegasi Malaysia diketuai oleh YBrs. Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK.

Lawatan ke Malaysia ini adalah bertujuan untuk memupuk hubungan kerjasama dan pertukaran pengetahuan dalam pendidikan dan amalan klinikal antara GUTCM dan institusi-institusi tempatan. Universiti ini mempunyai kolaborasi berterusan dengan institusi tempatan seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Antarabangsa INTI dan Hospital Tung Shin sejak 2017.

GUTCM telah ditubuhkan pada tahun 1965. GUTCM mengutamakan penglibatan antarabangsa, memupuk kolaborasi dan pertukaran pengetahuan, khususnya dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara “*Belt and Road*”. GUTCM berhasrat memupuk bakat dalam perubatan tradisional dengan fokus kepada penyelidikan, pertukaran klinikal dan program pendidikan, serta menumpu kepada integrasi PTC dengan perubatan moden dan pembangunan kerjasama antarabangsa dalam penjagaan kesihatan.

GUTCM menyumbang kepada pasaran perubatan herba Cina di China dengan pelbagai produk, termasuk ‘*Relinqing*’ dan juga usaha penyelidikannya yang meliputi penanaman serta teknik pemprosesan. Wilayah Guizhou mempunyai pelbagai amalan perubatan etnik, terutamanya perubatan Miao, yang memberi keutamaan kepada penggunaan herba segar berdasarkan konsep panas dan sejuk.

Walaupun pada ketika ini tiada sistem pendidikan yang seragam bagi perubatan etnik di China, penyelidikan PTC dilaksanakan untuk menerokai keberkesanan klinikalnya, yang berpotensi untuk diintegrasikan ke dalam sistem hospital. GUTCM juga menawarkan program latihan TCM jangka pendek kepada rakyat Malaysia.



Imej 21: Delegasi GUTCM dan BPTK.


KERJASAMA DENGAN ASEAN DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

Selaras dengan inisiatif program ASEAN *Health Cluster* 3 untuk tahun 2021-2025, Malaysia sebagai tuan rumah telah menganjurkan bengkel secara dalam talian bertajuk "*Governance and Recognition of T&CM in the National Healthcare System among the ASEAN Member States*" pada 25-26 Julai 2023. Inisiatif ini dilaksanakan susulan hasil kajian Malaysia di bawah ASEAN *Health Cluster* 3 pada tahun 2020, yang telah mengenal pasti keperluan latihan umum dalam bidang PT&K di kalangan negara-negara ASEAN.

Penceramah dari Malaysia, Filipina, Thailand, dan Singapura telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan merangkumi pelbagai aspek pentadbiran PT&K seperti amalan, pengamal, produk, premis, pendidikan, peranti perubatan, penyelidikan, pembiayaan kesihatan dan pendigitalan dalam bidang PT&K bagi negara-negara ASEAN. Objektif utama bengkel ini adalah untuk berkongsi maklumat perkembangan dan strategi terkini dalam pentadbiran PT&K di kalangan negara-negara ASEAN, mengenalpasti cabaran dan menyetengahkan amalan terbaik. Matlamat utama bengkel tersebut adalah untuk meningkatkan keselamatan, aksesibiliti dan kualiti perkhidmatan PT&K secara kolaboratif di rantau ASEAN.



Imej 22: Ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, KPK dan Ucapan penutup oleh YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, TKPK (P)



Imej 23: Gambar bersama penceramah dan peserta bagi bengkel "*Governance and Recognition of T&CM in the National Healthcare System among the AMS*".



JALINAN KERJASAMA TEMPATAN

MAJLIS PELANCARAN KERANGKA PENYELIDIKAN PT&K DI MALAYSIA DAN GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN PERUBATAN HERBA

YB. Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan pelancaran Kerangka Penyelidikan PT&K di Malaysia dan Garis Panduan Penyelidikan Perubatan Herba di Institut Kesihatan Negara pada 14 April 2023.

Kerangka Penyelidikan PT&K di Malaysia merupakan hasil kerjasama BPTK dan Pusat Penyelidikan Perubatan Herba, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di bawah bimbingan seorang perunding lantikan WHO. Dokumen ini diterbitkan sebagai rujukan dan panduan untuk pihak berkepentingan yang mempunyai minat di dalam pelaksanaan dan penilaian penyelidikan PT&K di Malaysia. Kerangka ini memperincikan keperluan umum pelaksanaan penyelidikan di Malaysia selaras dengan garis panduan dan peraturan semasa; dan keperluan khusus penyelidikan PT&K terutamanya dalam mengintegrasikan prinsip dan teori perubatan tradisional ke dalam metodologi dan reka bentuk penyelidikan.

Garis Panduan Penyelidikan Perubatan Herba pula telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan Herba. Ia bertujuan memberi panduan bagi penyelidikan produk herba dengan tuntutan terapeutik, seperti yang ditakrifkan oleh perubatan konvensional. Ini termasuk maklumat yang komprehensif mengenai data yang diperlukan untuk pembangunan produk herba yang merangkumi aspek kualiti, pra-klinikal dan klinikal. Selain itu, garis panduan ini turut memperincikan maklumat mengenai pembangunan data pra-klinikal bagi memenuhi keperluan dalam menjalankan kajian klinikal selanjutnya pada masa hadapan serta penerangan mengenai kaedah untuk menghubungkan kedua-dua fasa ini.

Penerbitan kerangka dan garis panduan ini diharapkan dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan di samping memperkukuh jalinan kerjasama dan kolaborasi pelbagai pihak seiring dengan hasrat KKM dalam melestarikan bidang PT&K untuk kebaikan dan manfaat semua rakyat Malaysia.



Mej 24: Majlis pelancaran Kerangka Penyelidikan PT&K di Malaysia dan Garis Panduan Penyelidikan Perubatan Herba telah disempurnakan oleh pengurusan tertinggi KKM

LAWATAN KERJA KE HOSPITAL UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR)

Pada 7 November 2023, KKM telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital UTAR, Kampar, Perak. Delegasi KKM telah diketuai oleh TKPK (P) Dato' Dr. Asmayani binti Khalib dan diiringi oleh Dr. Goh Cheng Soon serta pegawai-pegawai dari BPTK. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Hospital UTAR serta isu dan cabaran yang dihadapi, sama ada dalam penawaran perkhidmatan perubatan moden mahupun PT&K. Kunjungan ini telah disambut baik oleh Ir. Prof. Dato' Dr. Ewe Hong Tat, Presiden UTAR.

Lawatan ini bermula di Pusat Perubatan Moden Hospital UTAR dan diketuai oleh Prof. Dr. Lau Hui Ping, Pengarah Pusat Perubatan Moden Hospital UTAR. Pusat perubatan tersebut telah memulakan operasi pada bulan Ogos 2023 dan menawarkan pelbagai perkhidmatan rawatan pakar dan kaunseling. Hospital UTAR mempunyai pusat dialisis dan juga menyediakan perkhidmatan mamografi, *magnetic resonance imaging* (MRI), *computed tomography* (CT) scan dan sebagainya.

Seterusnya delegasi KKM dibawa melawat ke Pusat PT&K, Hospital UTAR oleh Dr. Te Kian Keong, Pengarah Pusat PT&K, Hospital UTAR. Pusat tersebut telah mula beroperasi sejak bulan April 2022 dan menawarkan pelbagai perkhidmatan PT&K, termasuk akupunktur & moksibusi, perubatan dalaman PTC, perubatan Ayurveda, rehabilitasi PTC dan lain-lain untuk pesakit dalam dan pesakit luar. Sehingga bulan November 2023, Pusat PT&K Hospital UTAR telah memberi rawatan PT&K kepada lebih daripada 40,000 pesakit.

Secara keseluruhannya, sesi lawatan kerja ini telah berjaya mengeratkan hubungan kerjasama antara pihak KKM dengan Hospital UTAR dan diharapkan dapat meningkatkan peluang kolaborasi dalam mengembangkan lagi perkhidmatan perubatan moden dan perkhidmatan PT&K di masa hadapan demi kesejahteraan rakyat Malaysia.



Imej 25: Delegasi KKM bersama pengurusan tertinggi Hospital UTAR di Pusat PT&K UTAR, Kampar, Perak.

LAWATAN KERJA KE SUNWAY TCM CENTRE DAN SUNWAY SANCTUARY, BANDAR SUNWAY, PETALING JAYA

Pegawai BPTK bersama dengan TKPK(P) Dato' Dr. Asmayani binti Khalib telah mengadakan lawatan ke Sunway TCM Centre dan Sunway Sanctuary pada 3 November 2023.

Sunway TCM Centre terletak berdekatan dengan Sunway Medical Centre, Petaling Jaya. Sunway TCM Centre adalah hak milik Sunway Healthcare Group dan menawarkan perkhidmatan PT&K bagi pesakit luar. Pusat yang telah beroperasi sejak tahun 2020 ini mempunyai sepuluh (10) pengamal PTC yang berpengalaman. Perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di Sunway TCM Centre termasuk TCM Internal Medicine, Akupunktur & Moksibusi, Tuina, TCM Oncology, TCM Dermatology dan Perubatan Orthopedik dan Trauma. Perkhidmatan TCM Gynaecology dan TCM Paediatric bakal ditawarkan. Sunway Sanctuary adalah pusat penjagaan golongan warga emas. Pusat ini beroperasi pada awal tahun 2023 dan menawarkan perkhidmatan penjagaan eksklusif kepada golongan warga emas.

Pusat ini beroperasi di bawah seliaan doktor perubatan moden dengan kepakaran dalam bidang PTC. Dispensari ubat herba kepada pesakit diuruskan oleh pegawai farmasi perubatan moden dengan kelayakan dalam bidang PTC. Farmasi tersebut mendispens ubat herba kepada pesakit selepas sesi konsultasi dengan pengamal PTC.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memahami fungsi, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Sunway TCM Centre serta memperkukuhkan hubungan baik antara KKM dan sektor swasta. Selain itu, peluang kerjasama antara pihak awam-swasta dalam bidang PT&K juga turut dibincangkan termasuk meningkatkan promosi dalam menyediakan penjagaan holistik kepada pesakit.



Imej 26: TKPK(P) dan wakil BPTK bersama Dato' Lau Beng Long, Presiden Sunway Healthcare Group.



Imej 27: TKPK(P) bersama Profesor Madya Dr. Lim Ren Jye, Pengarah Perubatan Sunway TCM Centre.

SESI LIBAT URUS BERSAMA CAWANGAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN, PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

Unit Survelan dan Siasatan, Cawangan Inspektorat & Penguatkuasaan (I&P), BPTK bertanggungjawab untuk merancang dan mengadakan sesi libat urus dengan agensi penguatkuasaan lain. Sesi libat urus sebegini boleh meningkatkan kefahaman dan kemahiran pegawai penguat kuasa BPTK dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan.

Sesi libat urus bersama Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan, Program Kesihatan Pergigian telah diadakan pada 15 Disember 2023. Objektif utama sesi libat urus ini adalah untuk berkongsi ilmu berkenaan aktiviti penguatkuasaan serta mempelajari cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pegawai penguat kuasa Pergigian sewaktu menjalankan operasi risikan, serbuan, penyiasatan dan pendakwaan.

Sesi libat urus ini juga dapat memupuk kolaborasi antara BPTK dan Program Kesihatan Pergigian di samping membuka peluang kerjasama pada masa akan datang.



Imej 28: Sesi libat urus bersama Cawangan Perundangan dan Penguatkuasaan, Program Kesihatan Pergigian.



PENUBUHAN JAWATANKUASA PENASIHAT PENYELIDIKAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (JPPPTK)

Pada Disember 2023, Kementerian Kesihatan Malaysia telah berjaya untuk menubuhkan JPPPTK yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan). Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh wakil-wakil agensi kerajaan (KKM dan bukan KKM) serta subject matter experts bidang PT&K yang terdiri daripada ahli akademik dan pengamal PT&K. Antara agensi kerajaan yang terlibat adalah seperti berikut:




- Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
- Bahagian Regulatori Farmasi Negara
- Pusat Penyelidikan Perubatan Herba, Institut Penyelidikan Perubatan
- Pihak Berkuasa Peranti Perubatan



- Bahagian Sekuriti Makanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Pusat Biodiversiti Sabah
- Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawa

Jawatankuasa ini telah dibangunkan sebagai satu inisiatif untuk menangani salah satu faktor kekangan perkembangan bidang penyelidikan PT&K di Malaysia iaitu ketiadaan jawatankuasa penasihat yang khusus kepada penyelidikan berkaitan amalan PT&K. Fungsi-fungsi JPPPTK adalah seperti di **Rajah 6**.

Penubuhan JPPPTK diharapkan dapat membantu menggiatkan aktiviti penyelidikan PT&K di Malaysia dan seterusnya menyumbang kepada amalan PT&K berasaskan pembuktian.



Rajah 6: Fungsi-fungsi JPPPTK

PENILAIAN PROJEK RINTIS KOLABORASI ANTARA PERSATUAN HOLISTIK DAN HERBA MALAYSIA (MHHO) & KLINIK KESIHATAN (KK) JINJANG DALAM PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PT&K

Satu projek rintis kolaborasi antara MHHO dan KK Jinjang dalam penyediaan perkhidmatan PT&K telah dilaksanakan selama tempoh dua (2) tahun (1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2022). Memorandum of Agreement (MoA) dan Surat Setuju Terima (SST) bagi projek rintis ini telah ditandatangani oleh KKM bersama MHHO pada 28 November 2020. Sehubungan itu, satu penilaian telah dijalankan berdasarkan keperluan dan kriteria yang dipersetujui dalam *Guidelines of the Traditional and Complementary Medicine (T&CM) Services Provision by MHHO at Jinjang Health Clinic* dan *MHHO Booklet* bagi memastikan pelaksanaan projek rintis adalah selamat dan berkualiti.

Penilaian ini merangkumi kajian kepuasan pelanggan dan kajian persepsi mengenai kualiti dan keselamatan perkhidmatan PT&K yang diberikan oleh MHHO di KK Jinjang di kalangan pegawai perubatan di KK tersebut dan pengamal MHHO.

Secara umumnya, hasil kajian ini menunjukkan pelanggan, pegawai perubatan di KK Jinjang dan pengamal MHHO berpuas hati dengan perkhidmatan PT&K yang diberikan oleh MHHO di KK tersebut. Projek rintis ini adalah satu inisiatif perkhidmatan yang baik serta mempunyai nilai tambah yang boleh dijadikan sebagai penanda aras model kerjasama di antara KKM dan NGO pada masa akan datang. Penilaian lebih menyeluruh yang merangkumi semua aspek dan melibatkan semua entiti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung perlu dijalankan kelak supaya hasil penilaian yang lebih telus dapat dihasilkan.

KERJASAMA DENGAN PEMEGANG TARUH DAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM BIDANG PTC BERKAITAN HALA TUJU AMALAN AKUPOTOMI

Pada 23 Ogos 2023, satu perbincangan telah diadakan bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan PTC iaitu *Malaysian Chinese Medical Association (MCMA)*, *Federation of Chinese Physicians Medicine Dealers Associations Malaysia*, *UTAR*, *International Medical University*, *Southern University College*, *Xiamen University Malaysia*, *Management & Science University (MSU)* serta empat orang wakil *Association of Acupuncture Practitioners Malaysia*.


Satu Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh wakil badan pengamal PTC yang ditetapkan iaitu MCMA bersama wakil Institusi Pengajian Tinggi PTC akan dibentuk untuk membangunkan dan memantau amalan akupotomi secara swakawal dan melaporkan sebarang perkembangan terkini mengenai aktiviti amalan akupotomi kepada CMPTK.

Secara amnya, kesemua pemegang taruh PTC bersetuju bahawa akupotomi merupakan suatu jenis kemahiran akupunktur yang lebih tinggi dan wajar dipertimbangkan sebagai satu amalan di bawah subbidang akupunktur. Sesiapa yang ingin mengamal akupotomi di Malaysia harus berdaftar di dalam bidang amalan PTC dengan Majlis PT&K dan akupotomi hanya akan disifatkan sebagai satu pengkhususan kemahiran dan bukannya kepakaran.



**PELAKSANAAN
T&CM BLUEPRINT
2018-2027**

A) T&CM BLUEPRINT 2018-2027 (HEALTH CARE)



Sempena tahun keenam pelaksanaan, Kajian Separuh Penggal bagi T&CM *Blueprint* 2018-2027 (*Health Care*) telah dijalankan pada bulan September 2023 untuk memastikan *Blueprint* tersebut kekal relevan dengan perkembangan semasa dan sejajar dengan matlamat kebangsaan untuk penjagaan kesihatan, ekonomi, dan sosiobudaya.

Penelitian

Aktiviti, output indicator, garis masa dan sasaran tahunan bagi empat tonggak utama iaitu:

- (i) *practice*,
- (ii) *education & training*,
- (iii) *medicinal materials & products* dan
- (iv) *research*

telah diteliti semula berdasarkan status pelaksanaan terkini serta hala tuju semasa dan masa hadapan.

Langkah Penambahbaikan

Langkah penambahbaikan bagi tahun 2024 hingga 2027 telah digariskan untuk mengatasi isu dan cabaran yang dikenal pasti.

Langkah Penyelarasan

Bagi aktiviti yang berulang dalam kedua-dua T&CM *Blueprint* 2018-2027 (*Health Care*) dan T&CM *Blueprint* (*Economic & Sociocultural*), aktiviti penyelarasan telah dilaksanakan di mana aktiviti-aktiviti ini hanya akan dilaporkan dalam T&CM *Blueprint* (*Economic & Sociocultural*) mulai tahun 2024.

B) T&CM BLUEPRINT 2018-2027 (ECONOMIC & SOCIOCULTURAL)



Traditional and Complementary Medicine (T&CM)
Blueprint (Economic and Sociocultural)
Realising the potential of T&CM in Malaysia

Susulan kelulusan Jemaah Menteri untuk pelaksanaan T&CM *Blueprint (Economic & Sociocultural)* dan sesi libat urus antara BPTK dan kementerian/ agensi pelaksana untuk menambah baik pelan tindakan yang berkenaan, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu bagi Pelaksanaan T&CM *Blueprint (Economic & Sociocultural)* telah diadakan buat julung kalinya pada tahun 2023.

I) MESYUARAT JAWANTANKUASA TEKNIKAL

Mesyuarat telah diadakan secara maya pada 8 Ogos 2023 dan 23 November 2023. Mesyuarat tersebut masing-masing dipengerusikan oleh Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, TKPK(P) dan Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK. Lebih daripada 20 kementerian/agensi kerajaan telah menghadiri mesyuarat tersebut untuk membincangkan status pencapaian bagi tahun 2022 dan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2023 untuk 20 inisiatif yang merentasi enam (6) pemboleh daya serta permohonan projek di bawah *Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu untuk pertimbangan.

II) MESYUARAT JAWANTANKUASA PEMANDU

Mesyuarat ini telah diadakan di Bilik Gerakan Aras 4, IPKKM pada 18 Disember 2023. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB. Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan (TMK) dan dihadiri oleh pegawai kanan KKM serta wakil daripada 14 kementerian/ agensi kerajaan.



Imej 29: **Gambar kumpulan bersama YB. Dato Lukanisman bin Awang Sauni, TMK sempena Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bagi Pelaksanaan T&CM *Blueprint (Economic & Sociocultural)*.**

Pelaksanaan T&CM *Blueprint* ini merupakan pendekatan '*whole-of-government*' untuk memperkembangkan industri T&CM sebagai sumber ekonomi baharu di samping mewujudkan impak sosiobudaya yang positif di Malaysia.

III) SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH PT&K- *BRIDGING THE NEEDS : EXPLORING GOVERNMENT INITIATIVES AND ITS RELEVANCE TO THE T&CM INDUSTRY*



Traditional and Complementary Medicine (T&CM) Blueprint (Economic and Sociocultural)
Realising the potential of T&CM in Malaysia

T&CM *Blueprint (Economic & Sociocultural)* telah mengenal pasti tiga peluang strategik untuk membangunkan industri PT&K di Malaysia, iaitu:

- (i) pembekal global bagi ekstrak herba PT&K;
- (ii) pengilang global bagi produk akhir PT&K dan
- (iii) hab perkhidmatan PT&K yang berprofesional tinggi.

Demi memberi pendedahan kepada pemain industri PT&K berkenaan inisiatif kerajaan sedia ada dalam program bakat dan latihan, insentif dan peluang pelaburan, satu sesi libat urus bersama pemegang taruh PT&K yang bertema '*Bridging the Needs: Exploring Government Initiatives and its Relevance to the T&CM Industry*' telah diadakan secara dalam talian pada 17 April 2023.

Sesi libat urus ini telah mendapat sambutan yang mengalakkan daripada pemain industri PT&K termasuk pengamal, ahli akademik, pengilang dan pemborong serta wakil dari pelbagai agensi kerajaan. Sesi libat urus ini juga menekankan kepentingan kerjasama antara sektor kerajaan dan swasta dalam memperkukuhkan industri PT&K di Malaysia dari aspek penjagaan kesihatan, ekonomi dan sosiobudaya. Terdapat empat pembentangan yang telah disampaikan dalam sesi libat urus ini, iaitu:

Traditional and Complementary Medicine (T&CM) in Malaysia
Dr. Chan Li Yen, BPTK

MIDA's Role for Promotion of Investment
Pn. Zarina binti Saad, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Opportunity with Bioeconomy Corporation
En. Aznizam bin Azman, *Bioeconomy Corporation*

Driving Malaysia's Talent Strategy
Pn. Azura binti Ahmad, *Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)*



Imej 30: Peserta dan pemegang taruh PT&K bagi sesi libat urus

IV) WEBINAR KESEDARAN HARTA INTELEK (IP) BERHUBUNG DENGAN PENGETAHUAN DALAM BIDANG AMALAN PERUBATAN DAN HERBA TRADISIONAL

Webinar ini merupakan salah satu aktiviti di bawah *Traditional and Complementary Medicine Blueprint 2018 – 2027 (Health Care)* dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berhubung IP dan kepentingan dokumentasi berkenaan pengetahuan dalam bidang perubatan tradisional di kalangan komuniti orang asal (*indigenous communities*) di Malaysia.

Sebanyak dua (2) webinar telah diadakan secara maya pada 2023 melalui aplikasi *Google Meet*. Webinar pertama yang diadakan pada September 2023 adalah berkaitan dengan kesedaran IP dalam PTC. Penceramah jemputan adalah daripada Persatuan Tabib Tionghoa Malaysia (MCMA), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), FRIM dan *China Medical University*, Taiwan. Webinar kedua pada November 2023 pula berkaitan dengan kesedaran harta intelek dalam Perubatan dan Herba Tradisional Orang Asli. Panel penceramah jemputan adalah daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK), MyIPO, dan FRIM.



Imej 31: Webinar Kesedaran IP berkaitan Pengetahuan dalam Bidang Amalan Perubatan dan Herba Tradisional (PTC)



Imej 32: Webinar Kesedaran IP berkaitan Pengetahuan dalam Bidang Amalan Perubatan dan Herba Tradisional (Perubatan Orang Asli).



PENERBITAN


PENERBITAN *GUIDELINES FOR TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE HEALTHCARE FACILITIES AND SERVICES IN MALAYSIA*

Akta PT&K 2016 [Akta 775] mengawal selia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia. Pengawal seliaan fasiliti PT&K swasta pada ketika ini tidak berada di bawah mana-mana agensi regulatori secara jelas.

Selain itu, terdapat kekurangan piawaian untuk fasiliti PT&K swasta yang memberi kesan kepada tahap keselamatan dan kualiti perkhidmatan PT&K. Pada masa ini, fasiliti PT&K swasta hanya perlu mendapatkan lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan untuk membolehkan mereka beroperasi.

Cadangan pembangunan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan PT&K Swasta yang baharu merupakan satu usaha KKM agar pengawalseliaan fasiliti PT&K swasta di Malaysia dapat dilaksanakan dengan mapan. Proses untuk menggubal Rang Undang-Undang (RUU) baharu ini dijangka akan mengambil masa beberapa tahun.

Oleh itu, sebagai langkah interim dalam fasa penggubalan, *Guidelines for Traditional and Complementary Medicine Healthcare Facilities and Services in Malaysia* telah dibangunkan untuk menggalakkan pengawalseliaan sendiri fasiliti PT&K swasta.



Hasrat ini adalah sejajar dengan usaha transformasi sektor PT&K dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan pencapaian *SDG Goal 3* iaitu “*assurance of healthy lives and the promotion of well-being for all at all ages via an efficient and nationwide system of healthcare, comprising a comprehensive public sector system and complemented by an active private healthcare system*”.

Majlis pelancaran garis panduan ini dijangka akan dirasmikan oleh KPK, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan pada tahun hadapan dan dimuatnaik ke laman web rasmi BPTK, KKM di www.moh.gov.my/tcm (Penerbitan).

PEMBANGUNAN DAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN

Pembangunan dan pengemaskinian garis panduan berkaitan pendaftaran pengamal PT&K dan aktiviti penguatkuasaan adalah selaras dengan komitmen BPTK untuk penambahbaikan berterusan mengikut piawaian dan amalan baik terkini. Pengemaskinian ini dimuat naik ke laman web rasmi BPTK sebagai rujukan orang ramai. Senarai pembangunan dan pengemaskinian garis panduan bagi tahun 2023 adalah seperti di **Jadual 3**.

Cawangan I&P telah membangunkan lima garis panduan baharu dan mengemaskini enam (6) garis panduan berkenaan aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh BPTK. Manakala CMPTK telah mengemaskini tiga (3) garis panduan berkaitan pendaftaran pengamal PT&K.

Jadual 3 : Senarai Garis Panduan yang dibangun dan dikemas kini bagi 2023

Unit & Cawangan	Garis Panduan	Jenis Terbitan	Tahun Terbitan Pertama
Unit Survelan & Siasatan, Cawangan I&P	Garis Panduan Menjalankan Siasatan Bagi Kes Kesalahan Di Bawah Seksyen 4A, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956	Semakan Pertama (2023)	2016
	Garis Panduan Pengendalian Aduan PT&K	Semakan Pertama (2023)	2016
	Garis Panduan Pengendalian Aktiviti Pameran dan Promosi PT&K	Baharu	2023
Unit Operasi & Risikan, Cawangan I&P	Garis Panduan Lawatan Pendidikan Ke Atas Pengamal PT&K	Semakan Pertama (2023)	2016
	Garis Panduan Penganjuran Taklimat Akta PT&K Serta Kewajipan Pengamal Berdaftar	Semakan Pertama (2023)	2016
	Garis Panduan Lawatan Pemerhatian Premis PT&K	Baharu	2023
	Garis Panduan Pengendalian Sesi Libat Urus Bersama Pihak Berkuasa Tempatan	Baharu	2023
Unit Perundangan & Pendakwaan, Cawangan I&P	Garis Panduan Saringan Iklan Perkhidmatan PT&K	Semakan Kedua	2016
	Garis Panduan Pendakwaan di Mahkamah	Baharu	2023
	Garis Panduan Permohonan Dan Pengembalian Kad/ Surat Kuasa Untuk Anggota BPTK Dan CPTK	Semakan Pertama (2023)	2022
	<i>Guidelines on Traditional and Complementary Medicine Healthcare Facilities and Services in Malaysia</i>	Baharu	2023

Jadual 3 : Senarai Garis Panduan yang dibangunkan dan dikemas kini bagi 2023

Unit & Cawangan	Garis Panduan	Jenis Terbitan	Tahun Terbitan Pertama
Unit Pendaftaran & Perakuan, CMPTK	Garis Panduan Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing	Semakan Kedua	2021
	Garis Panduan Permohonan Pembantu Pengamal PT&K Warga Asing	Semakan Kedua	2021
Unit Standard & Akreditasi, CMPTK	Garis Panduan Permohonan Pusat Latihan dan Tenaga Pengajar KPK	Semakan Kedua	2021

PENGEMASKINIAN *STANDARD OPERATING PROCEDURE* (SOP) PENILAIAN AKREDITASI PENUH DAN AKREDITASI SEMENTARA; DAN PEMBENTUKAN SOP PENILAIAN PERUBAHAN KURIKULUM PROGRAM PT&K

Satu mesyuarat untuk membincangkan SOP Penilaian Akreditasi Penuh, Akreditasi Sementara serta Perubahan Kurikulum telah diadakan pada 8 Februari 2023 secara dalam talian bersama dengan wakil daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Mesyuarat ini diadakan untuk mengemaskini dan memuktamadkan SOP Penilaian Akreditasi Penuh, Akreditasi Sementara dan membentuk SOP Penilaian Perubahan Kurikulum yang baharu. Antara komponen penting yang telah dibentuk bagi SOP Penilaian Perubahan Kurikulum adalah penyelarasan bilangan Ahli Panel Penilai (APP), tempoh penilaian perubahan kurikulum, penggunaan bahasa untuk laporan penilaian, kadar honorarium dan draf akhir format laporan penilaian.




Imej 33: Mesyuarat pengemaskinian SOP Penilaian Akreditasi Penuh, Akreditasi Sementara dan Perubahan Kurikulum bagi program PT&K

PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN SEBAGAI PUSAT LATIHAN DAN TENAGA PENGAJAR MODUL PEMBANGUNAN KAPASITI (MPK) BAGI PTC (SUBBIDANG AKUPUNKTUR)

Usaha untuk meninjau laluan yang sesuai untuk membolehkan Pengamal Perubatan Berdaftar (PPB) dengan pengalaman yang bersesuaian untuk mengamal akupunktur telah bermula sejak tahun 2014 dan usaha pembangunan MPK telah bermula sejak tahun 2019.

MPK ini dibangunkan untuk membantu PPB yang memenuhi syarat tertentu dan ingin berdaftar dengan Majlis PT&K untuk mengamal dalam bidang PTC (subbidang akupunktur) dalam tempoh peralihan. Pelaksanaan MPK telah dipersetujui semasa Mesyuarat Majlis PT&K Bil. 3/2022.

Garis Panduan Permohonan Sebagai Pusat Latihan dan Tenaga Pengajar Modul Pembangunan Kapasiti (MPK) bagi Perubatan Tradisional Cina (Subbidang Akupunktur) telah dibangunkan oleh Unit Standard dan Akreditasi, CMPTK pada tahun 2023.



Garis panduan ini telah dimaklumkan di Mesyuarat Majlis PT&K Bil. 3/2023 pada 31 Julai 2023. International Medical University (IMU) sebagai pusat latihan MPK dan sepuluh (10) orang pensyarah dari universiti yang sama sebagai tenaga pengajar telah diluluskan oleh Majlis PT&K pada 23 Oktober 2023.


STATISTIK & PENCAPAIAN



STATISTIK PERKHIDMATAN PT&K DI HOSPITAL KKM

Pada tahun 2023, terdapat peningkatan dalam jumlah bilangan pesakit yang menerima perkhidmatan PT&K di Hospital KKM secara keseluruhan, iaitu dari 43,128 kes kepada 52,366 kes. (Rajah 7)


Perkhidmatan PTI masih ditangguhkan sejak Julai 2021 (bagi Terapi Varmam) dan Oktober 2021 (bagi Shirodhara dan Terapi Basti Luaran) disebabkan tamatnya tempoh deputasi pengamal PTI daripada Kerajaan India dan akan disambung semula apabila pengamal dan pembantu pengamal PTI yang baharu dideputasi.



Rajah 7: Jumlah bilangan pesakit yang menerima perkhidmatan PT&K di Hospital KKM dari tahun 2018 sehingga 2023

STATISTIK MASA MENUNGGU TEMUJANJI PERTAMA UNIT PT&K HOSPITAL KKM


Sasaran masa menunggu temujanji pertama bagi kesemua perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di Hospital KKM berjaya dicapai bagi tahun 2023, iaitu lebih daripada 80% pesakit mendapat tarikh temu janji pertama di Unit PT&K dalam 28 hari (**Rajah 8**).



Rajah 8: Pencapaian masa menunggu temujanji pertama dalam masa 28 hari di Unit PT&K Hospital KKM bagi 2023


ADUAN BERKAITAN PERKHIDMATAN PT&K

Unit Survelan dan Siasatan, Cawangan I&P bertanggungjawab dalam mengendalikan aduan berkenaan pengamal dan perkhidmatan PT&K di Malaysia daripada pelbagai sumber mengikut peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Pada 2023, sebanyak 49 aduan dari pelbagai kategori telah diterima. Selain BPTK, pejabat CPTK turut mengendalikan aduan mengikut zon masing-masing. **Rajah 9** menunjukkan bilangan aduan yang diterima sepanjang 2023.




Rajah 9: Jumlah Bilangan Aduan yang Diterima bagi 2023

Aduan yang diterima adalah melalui surat, telefon, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) KKM dan e-mel. **Rajah 10** menunjukkan bagaimana aduan diterima sepanjang 2023.




Rajah 10: Jumlah bilangan aduan mengikut saluran bagi 2023

Rajah 11 menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut bidang amalan diiktiraf sepanjang tahun 2023.




Rajah 11 : Jumlah bilangan aduan mengikut bidang amalan diiktiraf bagi 2023

- • • Aduan melibatkan kelayakan merupakan kategori aduan yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 14 seperti di
- • • dalam **Rajah 12**. Selain itu, aduan lain yang diterima adalah berkenaan yuran, kursus, produk tidak berdaftar,
- • • peranti perubatan tidak berdaftar, mengamal tanpa permit kerja yang sah, caj rawatan dan premis tidak
- • • berlesen.



Rajah 12: Kategori Aduan yang diterima bagi 2023

Rajah 13 menunjukkan pengelasan aduan sama ada berasas atau tidak berasas. Sebanyak lima (5) aduan dikategorikan sebagai tidak berasas kerana aduan yang diterima tidak mempunyai maklumat yang lengkap daripada pengadu, premis tidak lagi beroperasi, bidang amalan tidak diiktiraf/ dikawal selia oleh BPTK dan aduan tidak tepat.




Rajah 13: Pengelasan aduan yang disahkan bagi 2023

LAWATAN PENDIDIKAN PENGAMAL PT&K

Unit Operasi dan Risikan, Cawangan I&P bertanggungjawab untuk menjalankan lawatan pendidikan ke atas pengamal PT&K yang menawarkan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf. Lawatan ini bertujuan untuk memberikan pendidikan dan pengetahuan kepada pengamal PT&K ke arah persediaan penguatkuasaan penuh Akta PT&K 2016 [Akta 775] dan kawalan iklan kemahiran berkaitan perkhidmatan PT&K yang disiarkan oleh pengamal PT&K tersebut. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk mendapatkan data taburan pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf di seluruh negara.

Sepanjang 2023, sebanyak 346 buah premis telah dilawati di seluruh Malaysia oleh BPTK dan pejabat CPTK. Berdasarkan pecahan zon, BPTK telah mengunjungi 98 buah premis diikuti dengan Sabah (81), Zon Selatan (45), Sarawak (43), Perak (38), Zon Timur (27) dan Zon Utara (14).

Daripada 346 buah premis yang dilawati, sebanyak 500 orang pengamal telah berjaya ditemu bual. Taburan pengamal yang telah ditemu bual mengikut zon di seluruh Malaysia adalah BPTK dengan 160 orang pengamal, diikuti dengan Sabah (83), Zon Selatan (73), Sarawak (65), Zon Timur (58), Perak (41) dan Zon Utara (20). Statistik lawatan pendidikan pengamal PT&K sepanjang 2023 adalah seperti dalam **Rajah 14**.




Rajah 14: Lawatan pendidikan pengamal mengikut zon bagi 2023

LAWATAN PEMERHATIAN PREMIS PT&K

Unit Operasi dan Risikan, Cawangan I&P juga bertanggungjawab untuk menjalankan lawatan pemerhatian premis yang menawarkan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf. Lawatan pemerhatian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan pematuhan premis yang dilawat berdasarkan piawaian dan keperluan seperti yang digariskan dalam *Guidelines on Traditional and Complementary Medicine Healthcare Facilities and Services in Malaysia* untuk memastikan perkhidmatan PT&K yang diberikan kepada pesakit adalah selamat dan berkualiti.

Bagi 2023, lawatan pemerhatian dijalankan ke atas premis yang menyediakan perkhidmatan Kiropraktik. 64 premis telah dilawat di seluruh Malaysia. Berdasarkan pecahan zon, BPTK telah melawat 39 premis diikuti dengan Zon Selatan (10), Perak (5), Sabah (5), Sarawak (3) dan Zon Utara (2). Statistik lawatan pemerhatian premis PT&K sepanjang 2023 adalah seperti dalam **Rajah 15**.



Rajah 15: Bilangan Premis Kiropraktik yang Dilawat Mengikut Zon pada Tahun 2023

LAWATAN PREMIS BAGI PENILAIAN AMALAN PT&K BAHARU

Akta PT&K 2016 memperuntukkan penubuhan Majlis PT&K untuk mengawal selia pengamal dan perkhidmatan PT&K dalam bidang amalan diiktiraf. Oleh itu, bidang-bidang amalan yang belum diiktiraf perlu melalui satu proses penilaian mengikut mekanisme dan kriteria penilaian amalan sebelum bidang amalan tersebut disyorkan oleh Majlis PT&K kepada Menteri Kesihatan untuk menjadi bidang amalan yang diiktiraf.

Unit Operasi dan Risiko, Cawangan I&P dipertanggungjawabkan untuk menjalankan lawatan penilaian premis berdasarkan senarai premis yang diterima daripada pihak Sekretariat Penilaian Amalan PT&K.

Satu laporan lawatan premis bagi penilaian amalan PT&K baharu akan disediakan oleh Cawangan I&P dan akan dikemukakan kepada Sekretariat Penilaian Amalan PT&K tersebut untuk penilaian sebelum dihantar kepada Majlis PT&K untuk pertimbangan dan kelulusan.

Pada 2023, lawatan penilaian premis telah dijalankan untuk penilaian dua bidang amalan baharu iaitu Iridologi dan Hipnoterapi. Statistik lawatan premis bagi penilaian amalan PT&K baharu sepanjang 2023 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4: Statistik lawatan premis bagi penilaian amalan PT&K baharu bagi 2023

Bidang Amalan	Jumlah Premis yang Diterima Daripada Sekretariat Penilaian Amalan PT&K	Jumlah Premis Yang Perlu Dilawat (B)	Jumlah Premis Yang Telah Dilawat (A)	Bilangan Premis Yang Dilawat Mengikut Negeri	Pencapaian (%) [(A ÷ B) x 100%]
Iridologi	12	12	11	Selangor (3) WP Kuala Lumpur (4) Pulau Pinang (1) Perak (1) Melaka (1) Johor (1)	91.7
Hipnoterapi	94	15	15	Selangor (6) WP Kuala Lumpur (5) Pulau Pinang (1) Perak (1) Johor (2)	100

SARINGAN IKLAN PERKHIDMATAN PT&K OLEH BPTK

Saringan iklan perkhidmatan PT&K merupakan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Cawangan I&P, BPTK dan pejabat CPTK di seluruh negara. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 merupakan akta utama yang dirujuk untuk kawalan iklan perkhidmatan PT&K.

Seksyen 4A Akta ini memperuntukkan kawalan pengiklanan yang merujuk kepada kemahiran dan perkhidmatan yang berhubung dengan rawatan, pencegahan atau diagnosis apa-apa ailmn, penyakit, kecederaan, kelemahan atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia. Aktiviti saringan iklan terdiri daripada saringan iklan di premis semasa lawatan pendidikan pengamal PT&K, lawatan pemerhatian premis atau pengesahan aduan, dalam media sosial dan juga penerbitan langganan terpilih.

Pada 2023, Bahagian ini telah berjaya melaksanakan 100% saringan iklan bagi penerbitan yang dilanggan, 186 saringan iklan fizikal telah dijalankan di 78 premis dan 205 saringan media sosial telah dilaksanakan ke atas 87 premis yang mempunyai platform media sosial. **Jadual 5** menunjukkan pencapaian aktiviti saringan iklan dan tindakan yang diambil terhadap iklan yang disaring.

Jadual 5: Aktiviti saringan iklan dan tindakan yang telah diambil oleh BPTK bagi 2023

Jenis Saringan Iklan	Pencapaian (Mengikut Bilangan Saringan Iklan)	Pencapaian (Mengikut Bilangan Premis Disaring)	Tindakan yang diambil terhadap Iklan yang disaring				
			Amaran Lisan	Surat Amaran	Siasatan di Bawah Seksyen 4a	Rujuk Kepada Agensi Lain	Tiada Tindakan Susulan
Saringan iklan dalam penerbitan langganan	100%	100%	-	-	-	-	100%
Saringan iklan di premis	186	78	10	8	-	-	60
Saringan iklan dalam media sosial	205	87	6	9	-	-	72
JUMLAH	391	165	16	17	-	-	132

SARINGAN IKLAN PERKHIDMATAN PT&K OLEH PEJABAT CPTK

Pada 2023, pejabat CPTK pula berjaya menyaring 723 iklan di zon masing-masing. **Jadual 6** menunjukkan pencapaian Pejabat CPTK.

Pencapaian untuk CPTK Zon Selatan dan Zon Timur adalah lebih tinggi berbanding dengan CPTK yang lain kerana kedua-dua CPTK tersebut menerima jumlah aduan yang lebih tinggi dan aktiviti saringan iklan ini turut dilakukan ketika pegawai turun ke premis bagi membuat pengesahan sesuatu aduan.

Jadual 6: Aktiviti saringan iklan oleh pejabat CPTK bagi 2023

Jenis Saringan Iklan	Pencapaian (Mengikut Bilangan Saringan Iklan)					
	Zon Timur	Zon Utara	Zon Selatan	Perak	Sabah	Sarawak
Saringan iklan dalam penerbitan langganan	100%	100%	100%	100%	100%	100%
Saringan iklan di premis	49	21	94	41	108	59
Saringan iklan dalam media sosial	43	23	54	41	35	29
JUMLAH	92	44	148	82	143	88


LATIHAN ANJURAN BPTK

BPTK bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan, profesionalisme dan kompetensi pegawai di tempat kerja. Sebanyak 13 aktiviti latihan pembangunan modal insan telah dianjurkan seperti seminar, kursus, dan CPD bagi tahun 2023. Aktiviti latihan ini boleh diklasifikasikan seperti berikut:


- Amalan PT&K
- Pengawalseliaan PT&K
- Inspektorat dan Penguatkuasaan
- Pembangunan Kemahiran Interpersonal
- Pentadbiran Am & Pengurusan Kewangan

Statistik latihan adalah seperti di dalam **Jadual 7**.


Jadual 7: Statistik latihan anjuran BPTK bagi 2023



Kategori Latihan



Penilaian kursus oleh peserta secara keseluruhan



Penilaian Latihan adalah berdasarkan skala Likert 1 (sangat tidak setuju) dan- 6 (sangat bersetuju)

PENDIDIKAN PENGGUNA




WEBINAR AKTA PATEN (PINDAAN) 2022 DAN KERELEVANAN DALAM PERLINDUNGAN HARTA INTELEK (IP) YANG BERKAITAN DENGAN PT&K

Webinar yang bertajuk 'Akta Paten (Pindaan) 2022 dan Kerelevanan dalam Perlindungan Harta Intelekt yang Berkaitan dengan PT&K' telah diadakan pada 10 Oktober 2022. Cik Hani Afiqah binti Mohamad Jamal, Pegawai Undang-Undang dari Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) telah dijemput sebagai penceramah bagi webinar ini.

109 peserta dari sektor awam dan swasta telah menghadiri webinar ini. Webinar ini bertujuan untuk (i) memberi pendedahan berkenaan Akta Paten (Pindaan) 2022 terutamanya seksyen yang berkaitan dengan bidang PT&K; dan (ii) meningkatkan kesedaran berkenaan kepentingan perlindungan harta intelek dalam bidang PT&K.

Melalui webinar ini, peserta telah mendapat kefahaman yang lebih mendalam mengenai Akta Paten (Pindaan) 2022 serta proses dan kriteria yang perlu dipenuhi dalam permohonan untuk mendapatkan paten. Selain itu, mereka juga mendapat pengetahuan berkenaan pelbagai jenis perlindungan harta intelek seperti cap dagangan, paten, hak cipta dan reka bentuk perindustrian.

Secara keseluruhannya, sesi webinar ini telah berjalan dengan lancar dan telah meningkatkan kesedaran peserta terhadap konsep dan kepentingan perlindungan harta intelek khususnya terhadap penyelidikan produk dan ekstrak PT&K.



Imej 34: Peserta Webinar 'Akta Paten (Pindaan) 2022 dan Kerelevanan dalam Perlindungan Harta Intelekt yang Berkaitan dengan PT&K'


TAKLIMAT AKTA PT&K 2016 [AKTA 775] SERTA KEWAJIPAN PENGAMAL BERDAFTAR

Taklimat Akta PT&K 2016 [Akta 775] Serta Kewajipan Pengamal Berdaftar merupakan salah satu tugas utama di Cawangan I&P. Taklimat ini dianjurkan kepada pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf untuk memberikan penerangan kepada pengamal PT&K berhubung dengan keperluan Akta PT&K 2016 [Akta 775] serta kewajipan sebagai seorang pengamal berdaftar. Sesi taklimat secara dalam talian mula dilaksanakan pada Julai 2020 dan masih diteruskan sehingga kini.

Pada 2023, sebanyak 126 sesi Taklimat Akta PT&K 2016 [Akta 775] Serta Kewajipan Pengamal Berdaftar telah berjaya dilaksanakan oleh Cawangan I&P, BPTK dan CPTK, sama ada secara dalam talian atau secara fizikal.


Cawangan I&P, BPTK telah menganjurkan 22 sesi taklimat secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Google Meet* dan 14 sesi taklimat secara fizikal. Daripada 14 sesi taklimat fizikal, dua (2) sesi taklimat telah diadakan pada 26 Jun 2023 di Institut Kesihatan Negara (NIH) yang melibatkan seramai 396 orang pengamal, manakala 12 sesi fizikal yang lain adalah melalui anjuran dan jemputan persatuan atau pertubuhan tertentu yang diadakan atas faktor kekangan dari sudut liputan internet yang terhad, pengamal warga emas dan pengamal orang kurang upaya penglihatan.

82 sesi fizikal dan lapan (8) sesi secara dalam talian telah dianjurkan oleh pejabat CPTK. Pecahan mengikut zon adalah ; CPTK Zon Sabah (27 sesi fizikal), diikuti oleh Zon Sarawak (13 sesi fizikal dan 8 sesi dalam talian), Zon Selatan (15 sesi fizikal), Zon Utara (14 sesi fizikal), Zon Timur (7 sesi fizikal) dan Zon Perak (6 sesi fizikal).



Imej 35: Sesi Taklimat Akta secara dalam talian yang dijalankan oleh CPTK Sarawak pada 25 Jun 2023.

Secara keseluruhannya, jumlah pengamal yang telah hadir ke taklimat tersebut pada 2023 adalah seramai 11,460 orang dengan purata peratus kelulusan menjawab borang soal selidik semasa taklimat adalah 94%. Statistik jumlah pengamal yang telah menghadiri Taklimat Akta PT&K 2016 [Atka 775] sepanjang 2023 adalah seperti dalam **Rajah 16**.



Rajah 16: Bilangan Pengamal yang Menghadiri Taklimat Akta PT&K 2016 Serta Kewajipan Pengamal Berdaftar bagi Tahun 2023



Imej 36: Ketua Cawangan I&P, BPTK sedang menyampaikan Taklimat Akta PT&K 2016 di NIH pada 26 Jun 2023.

SESI *CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT* (CPD) SECARA DALAM TALIAN BERKENAAN PERKHIDMATAN PT&K DI HOSPITAL KKM

BPTK telah menganjurkan tiga (3) sesi CPD secara dalam talian berkenaan perkhidmatan PT&K yang ditawarkan di hospital KKM di JKWP Kuala Lumpur dan Putrajaya, JKN Selangor dan JKN Negeri Sembilan melalui Google Classroom. **(Jadual 8)**

Sesi CPD ini bermatlamat untuk memberikan kesedaran kepada pegawai perubatan kerajaan (yang merupakan peserta sasaran) terhadap perkembangan PT&K di Malaysia dan meningkatkan pemahaman berkenaan perkhidmatan yang disediakan di hospital KKM termasuk indikasi dan prosedur untuk pelanjutan penjagaan pesakit ke Unit PT&K. Sesi CPD ini turut dibuka kepada semua anggota kesihatan yang berminat di JKN masing-masing (termasuk PKD, hospital dan klinik).

Secara keseluruhannya, 41 orang peserta berjaya menjalani sesi CPD yang dianjurkan oleh pihak BPTK dan telah mendapatkan sijil penyertaan digital. Dalam CPD ini, hanya peserta yang berjaya melengkapkan Pre-Test, Post-Test dan Borang Penilaian Peserta layak mendapat sijil penyertaan digital. Tahap keberkesanan sesi CPD dikenal pasti dengan menggunakan satu formula khas dan adalah 68%. Peratus peserta yang telah mencapai kefahaman $\geq 80\%$ adalah 76%. Para peserta CPD telah mendapat manfaat yang baik dan maklum balas peserta yang diterima oleh pihak urus setia adalah memberangsangkan.

Jadual 8: Penganjuran Sesi CPD secara dalam talian oleh BPTK berkenaan perkhidmatan PT&K di Hospital KKM

Tarikh	Jabatan Kesihatan Negeri	Jumlah Peserta yang Berdaftar	Jumlah Peserta yang Menamatkan CPD dengan jayanya	Jumlah Peserta yang Mencapai Kefahaman $\geq 80\%$	Purata Tahap Keberkesanan Sesi CPD
3- 7.4.2023	JKWP Kuala Lumpur dan Putrajaya	36	31	22 (71%)	Peningkatan sebanyak 52%
19- 23.6.2023	JKN Selangor	4	3	2 (68%)	Peningkatan sebanyak 72%
21- 25.8.2023	JKN Negeri Sembilan	10	7	7 (100%)	Peningkatan sebanyak 79%
JUMLAH		50	41	31 (76%)	Peningkatan sebanyak 68%

SESI *CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT* (CPD) SECARA DALAM TALIAN BERKENAAN PERKHIDMATAN PT&K OLEH PEJABAT CPTK

Pejabat CPTK turut menganjurkan sesi CPD di JKN atau PKD terpilih mengikut perancangan masing-masing dan mengadakan sesi secara bersemuka, dalam talian atau hibrid. **(Jadual 9)**

Jadual 9: Sesi CPD yang dianjurkan oleh Pejabat CPTK

Pejabat CPTK	Jumlah Peserta yang Berdaftar	Jumlah Peserta yang Menamatkan CPD dengan jayanya	Jumlah Peserta yang Mencapai Kefahaman ≥ 80
Zon Timur	46	46	29 (63%)
Zon Utara	36	36	30 (83%)
Zon Selatan	61	39	35 (90%)
Perak	30	30	26 (87%)
Sabah	47	45	38 (84%)
Sarawak	36	31	59 (69%)

AKTIVITI PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN PT&K MELALUI INFOGRAFIK DAN PAMERAN

Aktiviti pendidikan kepenggunaan PT&K adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan pengamal PT&K terhadap kewujudan BPTK dan Akta PT&K 2016 [Akta 775]. Bagi 2023, aktiviti pendidikan kepenggunaan PT&K adalah secara dalam talian melalui hebahan poster infografik selain daripada penyebaran maklumat secara fizikal melalui aktiviti pameran. Sebanyak 21 aktiviti pendidikan kepenggunaan PT&K telah dijalankan oleh BPTK dan CPTK bagi 2023. Poster infografik yang dihasilkan telah dimuat naik ke laman web BPTK, Portal KKM, Facebook BPTK dan KKM serta disebarikan melalui e-mel Postmaster KKM. Penyebaran maklumat secara poster infografik ini lebih meluas dan mudah dicapai.

Berikut adalah beberapa pameran yang disertai oleh BPTK sepanjang 2023:



Imej 37: Pameran dan sesi wawancara di Muzium Negara, Kuala Lumpur sempena Hari Bidan Sedunia pada 17 Jun dan 15 Julai 2023.



Imej 38: Pameran sempena *Integrative Medicine Seminar Themed "Healing The Body, Mind, Spirit: A Holistic Approach To Health Through Complementary Medicine"* yang dianjurkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di Hotel Armada, Petaling Jaya pada 19 Ogos 2023.



Imej 39: Pameran sempena Kursus PT&K di Hospital Port Dickson pada 20 Julai 2023.



Imej 40: Pameran sempena Minggu Kesedaran PT&K 2023 di Hospital Selayang pada 15-17 Mei 2023.

AKTIVITI PENDIDIKAN KEPENGGUNAAN PT&K MELALUI CERAMAH DAN WAWANCARA

Bagi tahun 2023, BPTK telah memberi empat belas sesi ceramah awam dan tiga (3) wawancara seperti di **Jadual 10**. Sesi perkongsian ini dilaksanakan pada kedua-dua peringkat antarabangsa dan tempatan dan melibatkan persidanga, bengkel, kursus dan wawancara radio.

Jadual 10: Ceramah Awam & Wawancara Radio bagi 2023

Topik PT&K	Penceramah	Tarikh/Platform/ Lokasi
<i>Traditional and Complementary Medicine (T&CM) and Elderly Health in Malaysia</i>	Dr. Goh Cheng Soon	<ul style="list-style-type: none"> 21 April 2023, PolyU WHO Collaborating Centre for Community Health Services (WHOCC), Dalam Talian
<i>Registration of T&CM Practitioners in Malaysia</i>	Dr. Dyanan Puvanandran Dr. Muhammad Hisyam	<ul style="list-style-type: none"> 10 Julai 2023, Trax Fm Radio Station 12 Julai 2023, TikTok Live KKM 13 Julai 2023, Gegar FM
<i>Regulatory Reforms in Advancing T&CM in Malaysia</i>	Dr. Dyanan Puvanandran	<ul style="list-style-type: none"> 20- 21 Julai 2023 Conference on Traditional Medicine between India and ASEAN, New Delhi, India
<i>Role of T&CM in Attaining SDG – 3 i.e. Health & Wellness in Malaysia</i>	Dr. Chan Li Yen	
<i>T&CM Education in Malaysia</i> <i>T&CM Registration and Regulation in Malaysia</i> <i>Sharing of Best Practices: Research in T&CM</i>	Jivanti Murugaiyan Dr. Muhammad Hisyam Dr. Adila Nur	<ul style="list-style-type: none"> 25- 26 Julai 2023 Virtual Workshop on the Governance and Recognition of T&CM in the National Healthcare System among AMS.
<i>T&CM Act 2016 (Registration, Disiplinary Proceedings Enforcement, referral, promotion& advertisement)</i>	Dr. Dyanan Puvanandran	<ul style="list-style-type: none"> 11 Ogos 2023 UTAR
<i>Healing The Body, Mind, Spirit : A Holistic Approach to Health Through Complementary</i>	Dr. Dyanan Puvanandran	<ul style="list-style-type: none"> 19 Ogos 2023 MMA Integrative Medicine Seminar
<i>TOT introduction to Clinical Research version 2.0 : Overview of T&CM in Malaysia</i>	Dr. Jaspal Kaur	<ul style="list-style-type: none"> 6 September 2023 NIH, Dalam Talian
<i>Introduction to T&CM Research</i>	Dr. Jaspal Kaur	<ul style="list-style-type: none"> 25 September 2023 CRC HKL, Dalam Talian
<i>Muslim Friendly Traditional and Complementary Medicine (T&CM) In Malaysia</i>	Dr. Tajul Iqmal	<ul style="list-style-type: none"> 10 Oktober 2023 Training Course in Developing and Managing Muslim-Friendly Healthcare and Wellness Tourism Islamic Tourism Centre (ITC)
<i>T&CM Act 2016</i>	Dr. Tajul Iqmal	<ul style="list-style-type: none"> 19- 21 November 2023 1st International Endocrinology in Western Medicine & TCM Conference 2023, Sarawak
<i>Enforcement of T&CM Act 2016</i>	Dr. Tajul Iqmal	<ul style="list-style-type: none"> 6 Disember 2023 Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Dalam Talian



PEMBANGUNAN KOMPETENSI

2023 TRADITIONAL KOREAN MEDICINE (TKM) POLICY TRAINING PROGRAMME

2023 TKM Policy Training Programme yang diadakan dari 18 hingga 23 September 2023 dianjurkan oleh National Institute for Korean Medicine Development (NIKOM) dan Society of Korean Medicine (SKOM) dan ditaja oleh Ministry of Health and Welfare (MOHW), Republik Korea. Program ini bertujuan untuk memperkenalkan TKM sebagai pelengkap perubatan moden dan mendorong kerjasama dalam perubatan tradisional dan integratif dengan negara-negara peserta. Empat (4) pegawai daripada BPTK bersama wakil dari Thailand dan Vietnam turut serta dalam program ini.

Peserta program ini dibahagikan kepada dua (2) kumpulan, menumpu kepada Insurans Kesihatan Kebangsaan (NHI) dan Garis Panduan Amalan Klinikal (CPG). Kumpulan NHI telah menghadiri ceramah tentang sistem NHI Korea yang merangkumi TKM, serta melawat ibu pejabat Perkhidmatan NHI dan Health Insurance Review and Assessment Service (HIRA) untuk memahami integrasi TKM dalam pakej faedah NHI dan semakan tuntutan TKM. Kumpulan CPG telah mempelajari pembangunan CPG TKM daripada pakar bidang serta meneroka strategi yang berpotensi untuk diadaptasi dengan konteks tempatan.



Imej 41: Peserta dari Malaysia, Thailand dan Vietnam dan pihak penganjur di Majlis Pembukaan 2023 Korean Medicine Policy Training Programme.

Para peserta juga berpeluang menghadiri *2023 International Conference for Global Cooperation in Traditional Medicine* berkaitan pengetahuan perubatan tradisional dan penyelidikan yang menyumbang kepada kesihatan awam dan perindustrian. Persidangan tersebut diadakan serentak dengan *World Anti-Aging Expo 2023* yang mempromosikan TKM untuk anti-penuaan dan pelancongan kesihatan. Mesyuarat antara peserta dan wakil MOHW juga diadakan untuk memahami pelaksanaan dasar promosi kesihatan TKM, pendaftaran perubatan herba dan perlindungan insurans di bawah NHI.

Program ini telah memberikan pencerahan tentang pendekatan integrasi Korea terhadap penjagaan kesihatan dan kerjasama dalam perubatan tradisional yang bermanfaat untuk tujuan perancangan strategik dan penambahbaikan PT&K di Malaysia.



Imej 42: Tetamu Kehormat, Penceramah Antarabangsa dan Peserta di Majlis Pembukaan 2023 International Conference for Global Cooperation in Traditional Medicine.

KURSUS *INTELLIGENCE PHOTOGRAPHY*

Kursus *Intelligence Photography* telah diadakan pada 5 hingga 6 Julai 2023. Kursus ini dianjurkan oleh Unit Perundangan dan Pendakwaan, Cawangan I&P, BPTK dengan empat (4) orang pegawai dari Sekolah Perisikan dan Pengesanan, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang berperanan sebagai penceramah dan fasilitator kursus.

Para pegawai dari Cawangan I&P, BPTK dan pejabat CPTK telah menghadiri kursus ini. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan tentang konsep dan teknik fotografi yang berkesan dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan PT&K.

Kursus ini telah memberikan manfaat kepada semua pegawai yang hadir terutamanya pegawai baharu yang berkhidmat di Cawangan I&P, BPTK dan pejabat CPTK. Kursus ini telah mengalakkan interaksi antara penceramah, urus setia dan para peserta dalam perkongsian pengalaman dan kes-kes siasatan yang menarik dengan mengguna pakai kamera dan peralatan surveilan terkini.



Imej 43: Peserta *Kursus Intelligence Photography* pada 5 - 6 Julai 2023 di Blok C, Jalan Cenderasari.



Imej 44: Sesi Latihan dalam Kelas bersama Pegawai daripada Sekolah Perisikan dan Pengesanan, MACA.

KURSUS KOMUNIKASI BERKESAN DALAM MENJALANKAN TUGAS PENGUATKUASAAN

Kursus Komunikasi Berkesan dalam Menjalankan Tugas Penguatkuasaan telah dianjurkan oleh CPTK Sarawak pada 2-3 Ogos 2023, bertempat di Bilik Seminar 2, Bangunan Pusat Rawatan Harian (DCC), Hospital Umum Sarawak. Kursus ini telah dihadiri oleh para pegawai daripada Cawangan I&P, BPTK dan pejabat CPTK.

Penceramah-penceramah jemputan ialah Puan Nurul'Ain binti Azizan, Penolong Perunding Latihan N32 dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kampus Wilayah Sarawak, Tuan Mohammad Faiz bin Mohammad Yusof, Pegawai Penguat Kuasa KP41 dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Sarawak, Tuan Syed Zainal Abidin bin Syed Ali, Penolong Penguasa Polis D4 dari Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching dan Puan Ira Shazwina binti Ismail, Pegawai Penguat Kuasa P41 dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Sarawak.


Objektif kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan, pengetahuan dan meningkatkan kemahiran komunikasi pegawai penguat kuasa dalam memastikan tugas penguatkuasaan berjalan dengan lancar ketika berada di lapangan atau di pejabat. Kursus ini juga bertujuan melengkapkan pegawai penguat kuasa dengan kemahiran menyelesaikan konflik dan perundingan ketika menghadapi sesuatu cabaran semasa berinteraksi dengan klien mahupun orang awam.



Imej 45: Penceramah Memberi Perkongsian semasa Kursus Komunikasi Berkesan dalam Menjalankan Tugas Penguatkuasaan pada 2- 3 Ogos 2023 di Kuching, Sarawak.

BENGGEL JAMINAN KUALITI – LATIHAN KOD AMALAN UNTUK AKREDITASI PROGRAM (COPPA EDISI KEDUA)

Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) untuk Penilaian Akreditasi Program PT&K telah mewujudkan sekumpulan APP di bawah Majlis PT&K bagi tujuan penilaian akreditasi program akademik PT&K. APP yang dicalonkan perlu menjalani Bengkel Jaminan Kualiti – Latihan Kod Amalan untuk Akreditasi Program bagi meningkatkan pengetahuan dan memahami keperluan proses akreditasi serta untuk melakukan penilaian akreditasi untuk program akademik PT&K. Bengkel ini telah diadakan selama tiga (3) hari secara dalam talian dari 1 hingga 3 September 2023. Seramai 14 orang pegawai BPTK dan sembilan (9) orang wakil industri/ penceramah PT&K yang diluluskan oleh JTB telah menyertai bengkel ini. Bengkel ini dianjurkan bersama MQA. Peserta kursus ini seterusnya dilantik sebagai APP di bawah Majlis PT&K selepas menghadiri bengkel COPPA.



Imej 46: Peserta Bengkel Jaminan Kualiti – COPPA (Edisi Kedua)

LATIHAN BERKAITAN AMALAN PT&K

Cawangan Pembangunan Profesion telah menganjurkan latihan berkaitan amalan PT&K bagi petugas kesihatan KKM untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang amalan PT&K. Latihan yang dianjurkan sepanjang 2023 adalah seperti di **Rajah 17**:



Rajah 17: Latihan berkaitan PT&K bagi 2023



LAPORAN KEWANGAN

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN


Unit Pentadbiran dan Kewangan BPTK bertanggungjawab untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan kewangan selaras dengan pekeliling perbendaharaan dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Ia bagi memastikan peruntukan bajet daripada Bahagian Kewangan KKM digunakan dengan cekap untuk setiap aktiviti yang dirancang. Peruntukan dan perbelanjaan BPTK bagi tahun 2023 adalah seperti di dalam **Jadual 11**

Jadual 11: Ringkasan peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2023

Jenis Peruntukan	Kategori	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Belanja Mengurus	Bekalan & Perkhidmatan	2,909,669.18	2,909,669.18
	Aset	21,326.00	21,326.00
Pembangunan	Latihan	45,139.00	45,139.00
	Aset	0.00	0.00

PRESTASI PEMBAYARAN BIL

Selaras dengan arahan Perbendaharaan dari Kementerian Kewangan, Bahagian ini telah menasaskan semua bil dan tuntutan yang diterima daripada pembekal dan kontraktor dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari daripada tarikh terima invois. Pada tahun 2023, sebanyak 436 bil didaftarkan dan kesemuanya telah berjaya disempurnakan dalam tempoh masa kurang daripada 14 hari seperti di **Rajah 18**.



Rajah 18: Ringkasan prestasi pembayaran bil bagi 2023

PUNGUTAN HASIL

Bagi tahun 2023, sejumlah RM 685,063.10 hasil telah dikutip berbanding pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM394, 860.00 (**Jadual 12**). Peningkatan kutipan hasil adalah berikutan dengan pelaksanaan pendaftaran pengamal PT&K selaras dengan Akta PT&K 2016.

Selain itu juga, kutipan hasil turut melibatkan jualan e-Waste dan jualan secara sisa daripada aktiviti pelupusan aset alih Kerajaan.

Jadual 12: Kutipan hasil tahun 2023 berbanding dengan 2022

Jenis Pungutan Hasil	Perihal Hasil	Kod Hasil	Jumlah Kutipan Hasil	
			Tahun 2022 (RM)	Tahun 2023 (RM)
Yuran Pemprosesan Pendaftaran Pengamal PT&K	Fi	H0272409	379,220.00	684,510.00
Pelupusan Aset	Hasil Jualan e-Waste	H0273301	15,640.00	470.00
	Hasil Jualan secara sisa	H0273302	0.00	83.10
JUMLAH			394,860.00	685,063.10



AKTIVITI LAIN BERKAITAN PT&K

FREE MEDICAL CONSULTATION AND CHINESE MEDICINE GIVEAWAYS EVENT IN CELEBRATION OF KUALA LUMPUR AND SELANGOR CHINESE ASSEMBLY HALL'S (KLSCAH'S) CENTENNIAL CELEBRATION AND MOTHER'S DAY

Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah dijemput sebagai tetamu kehormat ke *Free Medical Consultation and Free Chinese Medicine Giveaways Event in Celebration of Kuala Lumpur and Selangor Chinese Assembly Hall's (KLSCAH's) Centennial Celebration and Mother's Day* pada 13 Mei 2023. Acara ini dianjurkan bersama oleh Bahagian Wanita KLSCAH, Malaysia-China Traditional Medicine and Health Food Product Association, Haryao Shi Yi Tang *Pharmaceutical Company* dan Yayasan Nanyang Press sempena sambutan ulang tahun ke-100 KLSCAH.

Objektif acara amal ini adalah untuk meningkatkan kesedaran kesihatan, mempromosikan budaya tradisional Cina, serta menanamkan nilai kesetiaan dan hormat terhadap ibu bapa dan warga emas. Ia melibatkan aktiviti konsultasi perubatan dan pemberian ubat tradisional Cina secara percuma kepada pesakit yang berkeperluan, ceramah kesihatan, senaman, demonstrasi penyediaan makanan sihat dan sebagainya.

Dr. Goh Cheng Soon juga telah menyampaikan ucapan yang menekankan kepentingan menjaga kesihatan diri. Beliau juga memberi perkongsian berkenaan peranan perubatan tradisional dalam mempromosikan dan pemeliharaan kesihatan serta pencegahan penyakit.



Imej 47: Para tetamu kehormat dan sukarelawan acara.

INTERNATIONAL CONFERENCE ON MALAY MEDICAL MANUSCRIPT 2023 (ICOMMM 2023)

Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah dijemput sebagai penceramah ucap-tama di ICOMMM 2023 pada 5-6 September 2023 secara hibrid. Ia dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa di bawah projek *Health Information and Knowledge from Malay Medical Manuscript Flagship*. Tema persidangan ini adalah “*Towards Mainstreaming of Malay Medical Manuscripts*”.

Persidangan ini bertujuan untuk menggalakkan para penyelidik menjalankan lebih banyak kajian mengenai Manuskrip Perubatan Melayu, berkongsi penemuan serta menjadi platform bagi industri dan penyelidik untuk meneroka peluang kerjasama dalam menghasilkan produk yang selamat dan berkualiti. Dalam pembentangan secara dalam talian ini, Dr. Goh memaklumkan bahawa PT&K memainkan peranan penting dalam penjagaan kesihatan Malaysia disebabkan oleh kepelbagaian budaya. Menyedari potensinya, kerajaan telah mengintegrasikan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan dengan dasar dan tadbir urus yang bersesuaian.

Antara pencapaian yang penting termasuk penguatkuasaan Akta PT&K 2016, pendaftaran pengamal PT&K dan penawaran perkhidmatan PT&K di fasiliti-fasiliti KKM terpilih. KKM juga sedang dalam usaha untuk mendigitalkan pengetahuan tradisional dan menerima pakai ICD-11 dengan modul khusus perubatan tradisional. Selain itu, KKM menggalakkan penyelidikan PT&K melalui penerbitan Kerangka Penyelidikan PT&K di Malaysia dan Garis Panduan Penyelidikan Perubatan Herba serta penubuhan JPPPTK.

NATIONAL GYNAE-ONCOLOGY CONFERENCE 2023 (NGOC 2023)

Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah dijemput sebagai penceramah di NGOC 2023 yang diadakan di Hilton Petaling Jaya, Selangor pada 1 Oktober 2023. Tema persidangan tersebut adalah “*Current and Emerging Horizons*”. Peserta persidangan termasuk pakar gine-onkologi, pakar ginekologi dan profesional kesihatan bersekutu yang lain.

Dalam pembentangan beliau bertajuk *Complementary and Alternative Medicine (CAM) in Gynaecological Cancer*, beliau telah memperkenalkan perkhidmatan PT&K di hospital-hospital KKM terpilih seperti akupunktur dan perubatan herba untuk pesakit kanser. Beliau juga berkongsi berkaitan kelaziman penggunaan CAM di kalangan pesakit kanser ginekologi khususnya penggunaan terapi herba di kalangan pesakit kanser serviks dan ovari berdasarkan kajian dari pelbagai negara, termasuk Nigeria, Trinidad & Tobago, Turki, Taiwan dan sebagainya.

Dengan menggariskan kepelbagaian budaya di Malaysia dan penggunaan perubatan tradisional yang ketara di kalangan masyarakat, beliau menekankan keperluan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai manfaat dan kesan sampingan penggunaan PT&K dalam rawatan kanser. Beliau juga menekankan kepentingan mengawal selia keselamatan dan kualiti produk dan perkhidmatan PT&K.

6TH ZHONGJING CONFERENCE

Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah dijemput sebagai penceramah plenari di 6th Zhongjing Conference, yang dianjurkan oleh Fakulti Farmasi, MSU dan Henan *University of Chinese Medicine* pada 17 September 2023, di MSU. Persidangan ini merupakan satu platform untuk pertukaran ilmu tentang PTC, memupuk kerjasama akademik antara China dan Malaysia, serta menggalakkan pembangunan antarabangsa PTC. Ia bermanfaat khususnya bagi peserta dalam bidang penyelidikan di samping merangsang perbincangan mengenai pencegahan dan rawatan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit di Malaysia. Beliau telah berkongsi maklumat mengenai "Tadbir Urus PT&K terkini di Malaysia" di persidangan tersebut.



Imej 48: Peserta persidangan melibatkan penceramah dan pakar dalam bidang PTC dari China dan Malaysia dan pelajar MSU dalam bidang PTC, Farmasi, dan Teknologi Farmaseutikal.

EKSPLO MALAYSIA INTERNATIONAL TRADITIONAL & COMPLEMENTARY MEDICINE (T&CM) AND HEALTH FOOD PRODUCT 2023

Pada 1 hingga 3 Disember 2023, Ekspo Malaysia *International T&CM and Health Food Product 2023* telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Ekspo ini dianjurkan oleh Malaysia-China *Traditional Medicine and Health Food Product Association* sempena Pameran Penjenamaan Antarabangsa Malaysia ke-18 (IBS 2023). Tujuan ekspo ini diadakan adalah untuk mempromosikan produk kesihatan serta perkhidmatan PT&K dan kesihatan kepada pembeli domestik dan antarabangsa yang berpotensi, dengan matlamat untuk mewujudkan ekosistem holistik dalam bidang kesihatan. Ekspo yang disertai oleh pempamer dari pelbagai negara termasuk China, Korea dan Jepun ini dirasmikan oleh YB. Dato' Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan.



Imej 49: Majlis perasmian yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia

MAJLIS PERASMIAN PUSAT PT&K UCSI

Majlis Perasmian Pusat PT&K UCSI telah diadakan pada 21 Oktober 2023 bertempat di Hospital UCSI, Bandar Springfill, Port Dickson. Majlis yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan ini turut dihadiri oleh YM Tunku Zain Al-'Abidin Ibni Tuanku Muhriz, Penasihat Kumpulan UCSI dan Pro-Canselor Universti UCSI; Dato' Peter Ng, Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan UCSI; Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Pengerusi Kumpulan Penjagaan Kesihatan UCSI; Dato' Dr. Harlina binti Abdul Rashid, Pengarah JKN Negeri Sembilan dan Penolong Profesor Dr. Teo Chiah Shean, Pengarah Perubatan Pusat PT&K UCSI.

Dalam ucapan perasmian beliau, YAB. Menteri Besar Negeri Sembilan menyatakan bahawa pengintegrasian PT&K dengan perubatan moden dapat menggabungkan kelebihan kedua-dua sistem perubatan ini dan boleh memberi impak yang besar kepada sektor perubatan di Malaysia. Manakala Pengerusi Kumpulan Penjagaan Kesihatan UCSI melihat penubuhan pusat PT&K ini sebagai inisiatif yang baik kerana ia memberikan nilai tambah dalam perkhidmatan perubatan negara.

Selepas majlis perasmian, para hadirin berkesempatan untuk melawat Pusat PT&K UCSI yang menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan PT&K termasuk akupunktur, moksibusi, tuina, bekam dan urutan tradisional. BPTK telah diwakili oleh Cik. Teh Li Yin dan Dr. Chan Li Yen.



Imej 50: Majlis Perasmian Pusat PT&K UCSI yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.

PELAKSANAAN PROGRAM PENJAGAAN TRADISIONAL POSTNATAL (PTP)

Program PTP di peringkat penjagaan kesihatan primer telah diperkenalkan secara berfasa sejak 2019. Fasa pertama melibatkan tujuh (7) JKN iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Selangor, dan Melaka, manakala fasa kedua melibatkan lapan (8) JKN, iaitu Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Program PTP ini dilaksanakan oleh BPTK dengan kerjasama daripada Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK) dan JKN.

Antara objektif Program PTP adalah seperti berikut :

- Mengintegrasikan perkhidmatan PTP di peringkat penjagaan kesihatan primer;
- Menawarkan khidmat penjagaan ibu selepas bersalin melalui pengamal PT&K swasta;
- Memberi perkhidmatan nilai tambah dalam sistem penjagaan kesihatan ibu postnatal sedia ada; dan
- Meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan ibu melalui penjagaan tradisional ketika masa berpantang.

Perkhidmatan PTP telah diperkenalkan di semua 15 JKN di seluruh Malaysia

SEHINGGA

DEC
2023

279

PENGAMAL
TERLIBAT

38

PEJABAT
KESIHATAN
DAERAH

107

KLINIK
KESIHATAN

51

KLINIK
DESA

Rajah 19: Statistik perkhidmatan PTP sehingga 31 Disember 2023

BENGGEL PROGRAM PERKHIDMATAN PENJAGAAN TRADISIONAL POSTNATAL (PTP) SIRI KETIGA

Bengkel Program Perkhidmatan PTP Siri Ketiga telah diadakan daripada 11 hingga 15 Disember 2023 melalui Aplikasi Google Classroom menggunakan *pre-recorded slides* dan disusuli dengan satu sesi perbincangan dengan peserta bengkel untuk menjawab soalan berkaitan. Bengkel tersebut dianjurkan bersama BPKK dan seramai 284 peserta yang terdiri daripada pegawai Pejabat Cawangan CPTK, penyelarasan PTP di peringkat negeri, daerah dan KK telah menyertai bengkel tersebut.

Bengkel ini merupakan Bengkel *Refresher* untuk melatih dan memberikan panduan kepada peserta terutamanya penyelarasan PTP yang baharu dalam memahami dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing seperti yang tertera di Garis Panduan Perkhidmatan PTP di Peringkat Penjagaan Kesihatan Primer. Bengkel ini juga menekankan kepentingan kepatuhan kepada piawaian yang ditetapkan untuk memastikan perkhidmatan PTP yang ditawarkan adalah selamat dan berkualiti kepada orang awam.



AKTIVITI JAWATANKUASA PERINGKAT BPTK

JK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKK) 2023

Penubuhan dan pelaksanaan aktiviti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKK) adalah tertakluk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] dan perundangan subsidiarinya. Bagi sesi 2023/2024, Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK) merupakan Pengerusi JKK IPKKM, Jalan Cenderasari. Pelantikan Pengerusi JKK IPKKM Jalan Cenderasari adalah secara bergilir untuk setiap dua tahun di antara BPTK dengan BPK. JKK IPKKM Jalan Cenderasari diwakili oleh seorang wakil majikan dan seorang wakil pekerja dari setiap bahagian di IPKKM Jalan Cenderasari iaitu BPTK, BPK dan Majlis Perubatan Malaysia (MPM). Di bawah JKK, tiga jawatankuasa kecil telah ditubuhkan iaitu:

(i) Jawatankuasa Keselamatan & Emergency Response Team (ERT);

(ii) KOSPEN Wellness for Workers (WOW); dan

(iii) Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

I) JK KESELAMATAN


MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKK)

Penganjuran Mesyuarat JKK merupakan salah satu keperluan seperti yang tertakluk di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 iaitu perlu dianjurkan setiap tiga (3) bulan. Mesyuarat ini membincangkan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang perlu diambil perhatian serta tindakan susulan yang sewajarnya oleh pihak majikan. Bagi tahun 2023, sebanyak empat (4) sidang mesyuarat telah diadakan seperti di dalam **Jadual 13**:

Jadual 13: Mesyuarat JKK yang telah diadakan pada 2023

Bil.	Tarikh	Kaedah/ Tempat
1/2023	16 Jun 2023	Dalam Talian
2/2023	18 September 2023	Fizikal / Bilik Mesyuarat Utama, Blok A
3/2023	30 Oktober 2023	Fizikal / Bilik Mesyuarat Utama, Blok A
4/2023	19 Disember 2023	Fizikal / Bilik Mesyuarat Utama, Blok A

Pemantauan dan pemeriksaan berkala kawasan IPKKM Jalan Cenderasari serta siasatan kemalangan, penyakit pekerjaan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan kemalangan di tempat kerja dilakukan sepanjang tahun oleh wakil JK Keselamatan/ ERT dan KOSPEN WOW BPTK dan wakil daripada BPK dan MPM. Seterusnya, laporan penemuan akan dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKK untuk perhatian dan tindakan susulan yang sewajarnya. Jumlah laporan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKK adalah seperti di **Rajah 20**.



Rajah 20: Jumlah Laporan yang telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKK IPKKM Jalan Cenderasari 2023

Antara aktiviti JK Keselamatan lain adalah Lawatan Khidmat Nasihat Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (IAKKP) IPKKM 2023 pada 3 Julai 2023 dan Kursus Keselamatan Bagi Pasukan Bertindak Kecemasan dan Kebakaran, IPKKM, Jalan Cenderasari pada 16-17 November 2023.



Imej 51: Taklimat keselamatan bangunan dan Latihan Pengendalian Kekili Hos Kebakaran sedang disampaikan oleh pegawai balai bomba dan penyelamat pusat, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur

JK KOSPEN WOW

Aktiviti yang dilaksanakan oleh JK KOSPEN WOW adalah seperti berikut:

i) Fun Walk @ Taman Botani Perdana



TARIKH & MASA
15 FEBRUARI 2023
4.30PM-5.30PM



TEMPAT
Taman Botani Perdana, KL



Imej 52: Gambar aktiviti *Fun Walk* di sekitar Taman Botani Perdana


ii) Ramadan X-Break



TARIKH & MASA
Setiap Hari Rabu sepanjang bulan
Ramadan bermula 29 MAC 2023
12.00PM- 12.30PM



TEMPAT
Ruang Kerja Warga BPTK



Imej 53: Warga BPTK sedang melakukan aktiviti regangan badan ketika Sesi X-Break di ruang kerja masing-masing

iii) Program Saringan dan Pemeriksaan Kesehatan KOSPEN WOW BPTK



TARIKH & MASA

BIL. 1/2023 - 16 JUN 2023
BIL. 2/2023 - 12 DISEMBER 2023
(anjuran bersama JKK Induk IPKKM)
8.00 PM- 12.00 PM



TEMPAT

Bilik Mesyuarat Mentari, Blok C, Jalan Cenderasai



Imej 54: Warga BPTK menjalani saringan dan pemeriksaan kesihatan



Imej 55: Urus setia bagi Program Saringan dan Pemeriksaan Kesehatan KOSPEN WOW IPKKM Jalan Cenderasari

iv) Misi Pendakian Bukit Batu Putih, Tanjung Tuan, Melaka Sempena Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2023 bagi IPKKM



TARIKH & MASA

22 JULAI 2023
7.00AM-2.00PM



TEMPAT

Bukit Batu Putih, Tanjung Tuan, Melaka



Imej 56: Gambar kumpulan peserta setelah berjaya menawan puncak Bukit Batu Putih

v) Permainan Sukan Rakyat Kospen WOW BPTK



TARIKH & MASA
17 OGOS 2023
9.00 PM- 1.00 PM



TEMPAT
Unit Pentadbiran dan Kewangan, BPTK



Imej 57: Peserta Dam Haji sedang bermain pusingan akhir pertandingan



Imej 58: Peserta karam sedang berfokus ketika permainan mereka.



Imej 59: Peserta congkak tekad bagi mencapai kemenangan



Imej 60: Acara Batu Seremban yang menarik perhatian para peserta wanita

vi) Kursus Keterampilan Diri dan Pengurusan Kesihatan di Tempat Kerja



TARIKH & MASA

29 OGOS 2023
8.00 PM - 5.00 PM



TEMPAT

Connexion Conference and Event Centre,
Bangsar, Kuala Lumpur



Imej 61: Penceramah daripada Cawangan Pendidikan Kesihatan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKL&P) sedang menyampaikan ceramah



Imej 62: Sesi Zumba bersama dengan Coach daripada Cawangan Pendidikan Kesihatan, JKWPKL&P

JAWATANKUASA KEBAJIKAN/ KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) DAN TAMAN HERBA 2023

Jawatankuasa Kebajikan/KIK dan Taman Herba, BPTK telah menjalankan banyak aktiviti tahunan. Objektif aktiviti tersebut dijalankan adalah untuk mengeratkan hubungan antara anggota BPTK, menghargai kepelbagaian budaya rakyat Malaysia dengan menganjurkan aktiviti keramaian serta memberi sumbangan bagi kebajikan anggota.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi tahun 2023 adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14: Aktiviti JK Kebajikan, KIK dan Taman Herba bagi Tahun 2023

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Edaran buah limau Mandarin Sempena Tahun Baru Cina	13 Januari 2023
2.	Majlis Sambutan Tahun Baru Cina	10 Februari 2023
3.	Edaran <i>Goodies</i> Raya Sempena bulan Ramadhan	22 Mac 2023
4.	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri	18 Mei 2023
5.	Pertandingan Dekorasi Ruang Keceriaan	9 Ogos 2023
6.	Bengkel Teknik Penanaman dan Penjagaan Tanaman Herba dan Sayuran	24 Ogos 2023
7.	Edaran <i>Goodies</i> Sempena Hari Deepavali	27 Oktober 2023
8.	Majlis Sambutan Akhir Tahun BPTK / Sambutan Hari Deepavali dan Hari Natal	27 Oktober 2023
9.	Aktiviti Pemeliharaan Taman Herba	20 Februari 2023 6 April 2023 28 Julai 2023 21 November 2023
10.	Sumbangan kelahiran/ perkahwinan/ perpindahan/ kemasukan wad/ kematian/ bencana	Sepanjang tahun 2023



Imej 63: Pembungkusan *Goodies* bulan Ramadhan

Imej 64: Pertandingan Dekorasi Ruang Keceriaan



Imej 65: Sesi gambar Majlis Sambutan Akhir Tahun BPTK

JAWATANKUASA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

JK EKSA telah melaksanakan aktiviti jawatankuasa yang dirancang hasil kerjasama semua warga BPTK. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2023 adalah seperti yang dilaporkan di **Jadual 15**.

Jadual 15: Aktiviti JK EKSA sepanjang Tahun 2023

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Mesyuarat JK Induk EKSA	7 Februari 2023 18 Oktober 2023 1 November 2023
2.	Aktiviti Gotong Royong BPTK Bil. 1/2023 Bil. 2/2023	7 April 2023 26 Oktober 2023
3.	Aktiviti Kitar Semula	10 April 2023
4.	Audit Kendiri EKSA Bil. 1/2023 Bil. 2/2023	19- 20 April 2023 30- 31 Oktober 2023
5.	Audit EKSA IPKKM Bil. 1/2023 Bil. 2/2023	13 Jun 2023 20 Disember 2023
6.	Kursus Persediaan Juruaudit EKSA	12 Julai 2023
7.	Hebahan Bahan Promosi EKSA melalui Emel	Setiap bulan sepanjang tahun 2023
8.	Sesi Perkongsian Amalan Baik EKSA (Langkah Penanda Aras Secara Dalam Talian	12 Disember 2023
9.	Pengemaskinian Sudut Maya EKSA	April 2023, Oktober 2023, Disember 2023

BPTK juga berjaya mencapai keputusan Audit EKSA IPKKM yang cemerlang sepanjang tahun 2023 dengan menjadi fasiliti kesihatan IPKKM yang memperolehi markah ketiga tertinggi bagi Audit EKSA IPKKM Bil.1/2023 pada 13 Jun 2023 dan markah tertinggi bagi Audit EKSA IPKKM Bil.2/2023 pada 20 Disember 2023.



Sebelum



Selepas

Imej 66: Pengemaskinian Papan Tanda Informasi BPTK ketika aktiviti Gotong Royong EKSA Bil. 2/2023

Audit EKSA IPKKM Bil. 1/2023	
1. Zon Perancang	98.90
2. Zon Kejururawatan	98.88
3. Zon T & CM	98.88
4. Zon Antarabangsa	98.85
5. Zon Pergigian	98.07
6. Zon Pembangunan	97.90
7. Zon Integriti	97.47
8. Zon Promosi	97.07
9. Zon Undang-Undang	96.74
10. Zon Kesihatan	96.08
11. Zon Audit Dalam	95.84
12. Zon Kompetensi	95.82
13. Zon Komunikasi	95.72
14. Zon Radiasi	94.88
15. Zon Perolehan	94.84

Audit EKSA IPKKM Bil.2/2023	
1. Zon T & CM	99.52
2. Zon Audit Dalam	98.85
3. Zon Akaun	98.31
4. Zon Kejururawatan	98.19
5. Zon Pergigian	98.09
6. Zon Pemakanan	97.88
7. Zon Sumber	97.75
8. Zon Integriti	97.72
9. Zon Undang-Undang	97.42
10. Zon Perolehan	97.10
11. Zon Komunikasi	97.09
12. Zon Farmasi	96.93
13. Zon Kompetensi	96.65
14. Zon NPRA	96.35
15. Zon Kesihatan	96.24

Imej 67: Keputusan cemerlang bagi Zon T&CM ketika Audit EKSA IPKKM bagi tahun 2023



Imej 68: Pengumpulan bahan kitar semula bagi tahun 2023



Imej 69: Audit EKSA IPKKM Bil.2/2023 pada 19-20 Disember 2023

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022



**MOHD. FAIZAL BIN
ZAINI**

**AHMAD SUFWAN
BIN SUPAR**

UNIT PENTADBIRAN & KEWANGAN



**DR. NUR FARIZAH
BINTI JOHARI**

**DR. TAJUL IQMAL
BIN TAJUL ARUS**

**CAWANGAN
DASAR &
PERKEMBANGAN**

**CAWANGAN
INSPEKTORAT &
PENGUATKUASAAN**



CHAI LAN YIN

**CAWANGAN
PEMBANGUNAN
PROFESION**



Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari



Hubungi Kami :



No. Telefon:
03-2279 8100



Emel:
tcm@moh.gov.my



Alamat:
Jalan Cenderasari, Tasik Perdana, 50590
Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala
Lumpur



Laman Web Rasmi:
hq.moh.gov.my/tcm